



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7269]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan)
[Ruangan 7281]

Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan (Pindaan) [Ruangan 7297]

Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) [Ruangan 7310]

Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 7318]

Rang Undang-undang Peruntukan Di Raja (Pindaan) [Ruangan 7340]

Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 7342]

Rang Undang-undang Orang-orang Papa [Ruangan 7346]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, **DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Perhubungan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ Menteri Undang-undang, **TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOP, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).**

„ Menteri Kebajikan Am, **DATUK HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).**

„ Menteri Penerangan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ Menteri Pertanian, **DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**
- .. **Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).**
- .. **Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. **Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- .. **Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**
- .. **Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**
- .. **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).**
- .. **Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).**
- .. **Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).**
- .. **Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).**
- .. **Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).**
- .. **Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).**
- .. **Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., J.P. (Bagan Serai).**
- .. **Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).**
- .. **Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).**
- .. **Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).**
- .. **Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).**
- .. **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).**
- .. **Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
- .. **Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).**
- .. **Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANBK UREN (Bau-Lundu).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).**
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- .. **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- .. **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).**
- .. **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- .. **TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).**
- .. **TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).**
- .. **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., S.I.M.P., P.N.B.S. (Payang).**
- .. **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- .. **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).**
- .. **DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).**
- .. **TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).**
- .. **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- .. **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).**
- .. **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).**
- .. **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**
- .. **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).**
- .. **TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).**
- .. **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).**
- .. **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- .. **TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).**
- .. **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).**
- .. **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).**
- .. **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- .. **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- .. **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).**
- .. **TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).**
- .. **PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).**
- .. **TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).**
- .. **TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).**
- .. **TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).**

Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJIAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGELIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Ulu Trengganu).

- .. TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- .. DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- .. RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- .. TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- .. TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- .. TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- .. TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- .. TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- .. TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- .. DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- .. TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- .. TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- .. PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- .. DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- .. TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- .. TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalean Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 15hb Disember, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

EKSPOT MINYAK DARI SARAWAK

1. **Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan nilai eksport tahunan minyak dari Negeri Sarawak sejak usaha mencarigali minyak di dasar laut yang baru itu.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, usaha mencarigali minyak di dasar laut Negeri Sarawak bermula pada awal tahun lima-puluhan, tetapi pengeluaran minyak dari laut hanya bermula dalam bulan Jun, 1968. Ekspot minyak yang dikeluarkan dari dasar laut hanya bermula dari tahun 1971 dan nilai eksport tahunan daripada Sarawak (termasuk jualan ke Semenanjung Malaysia) dari tahun 1971 hingga 1975 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah (Tan)	Nilai Ekspot (Ringgit)
1971 ...	360,041 ...	\$ 33,446,000
1972 ...	1,893,328 ...	112,966,000
1973 ...	2,394,369 ...	178,686,000
1974 ...	2,319,337 ...	502,601,000
1975 ...	3,255,286 ...	744,716,000

PERKHIDMATAN DALAM PER- KHIDMATAN AWAM

2. **Tuan Oo Gin Sun** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa Pegawai-pegawai dalam Bahagian Perancang Bandar sangat tiada puas hati berkenaan

dengan syarat perkhidmatan yang tidak menggalakkan menyebabkan banyak pegawai-pegawai yang telah berhenti dan masuk bekerja dengan sektor swasta, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh beliau untuk memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan itu dengan adanya pembangunan pesat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum syarat-syarat perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam yang dilaksanakan sekarang adalah terbit daripada hasil kajian oleh Suruhanjaya Di Raja Gaji yang tidak menyamakannya dengan gaji yang boleh didapati dalam sektor swasta. Keadaan seperti ini bukanlah satu keadaan yang baru dan Perkhidmatan Awam tidak dapat bertanding ataupun berlumba dengan pihak swasta dalam hal ini kerana keupayaan kedua-dua pihak itu adalah berbedza sekali.

Namun begitu, Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan kerjaya kakitangan-kakitangannya. Perbincangan-perbincangan yang pesat yang sedang diadakan sekarang berhubung dengan lapuran Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali membuktikan hasrat Kerajaan untuk memberi gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang saksama kepada kakitangan-kakitangan Perkhidmatan Awam.

PENGGUNAAN KOMPUTER MENGESAN PROJEK KERAJAAN

3. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan samada Jabatan Penyelarasan, Perlaksanaan dan Kemajuan Pentadbiran di bawah Jabatan Perdana Menteri mengadakan alat computer untuk mengesan pelaksanaan projek-projek Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan dengan yang demikian Perdana Menteri akan mengetahui dengan sertamerta samada sesuatu projek itu berjalan atau tidak.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa soalan yang dikedemukakan oleh beliau itu adalah benar sekali. Bahkan satu kajian tentang penggunaan alat komputer untuk mengesan kemajuan peringkat pelaksanaan projek-projek Kerajaan, oleh Yunit Penyelaras Pelaksanaan, sedang giat dijalankan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada ketiadaan alat-alat komputer di bahagian ini, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa ketua yang bertanggungjawab memegang jawatan inipun pangkatnya telah diturunkan daripada bekas ketua yang lama. Tidakkah Kerajaan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini lebih effective supaya memberi kuasa yang lebih kepada Jabatan ini, terutama sekali kepada ketuanya supaya pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini dapat berjalan dengan licin.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ketua yunit ini ialah satu ketua dalam beberapa bahagian dalam Jabatan Perdana Menteri yang ada bertanggungjawab tentang perancangan dan pelaksanaan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan ketiga-tiga bahagian ini sekarang pun ada berbincang mengenai masalah ini supaya mendapatkan satu Bilik Gerakan yang moden dan boleh mengadakan butir-butir yang lebih lagi tentang pelaksanaan projek-projek.

Mengenai taraf ketua bahagian, kalau jawatan itu difikirkan perlu untuk kebaikan Jabatan, saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

PEGAWAI-PEGAWAI PROFESSIONAL/ACADEMICIANS

4. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Samada Kerajaan akan mengkaji semula kenaikan pangkat pegawai-pegawai professional/academicians sehingga mencapai ke tingkatan yang tinggi menjadi Ketua di Jabatannya daripada yang lazimnya diisi dari pegawai-pegawai tadbir yang boleh menyebabkan frustration kepada pegawai-pegawai yang berkenaan yang mungkin juga satu daripada punca brain drain; dan

- (b) Memandangkan Kerajaan menitik-beratkan bidang sains dan teknologi, adakah Kerajaan akan mengarahkan Suruhanjaya Gaji atau Jabatan Perkhidmatan Awam menyemak semula kedudukan tanggagaji pegawai-pegawai professional sebagai galakan bahawa Kerajaan bukan sahaja menilai lama masa ia menuntut di universiti malah menilai mata-pelajarannya yang khusus diambil dan dengan demikian memberikan ia kenaikan tanggagaji permulaan yang tinggi daripada pegawai tadbir yang mempunyai peluang naik pangkat yang begitu luas. Sekiranya tidak, mengapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kenaikan pangkat pegawai-pegawai professional/academicians sehingga mencapai ke tingkatan yang tinggi adalah mengikut kehendak sekim perkhidmatan masing-masing. Dalam sekim-sekim perkhidmatan yang berkenaan ada dinyatakan tentang jawatan-jawatan kenaikan pangkat di mana pegawai-pegawai yang berkenaan boleh mencapai peringkat tersebut. Oleh yang demikian soal pengisian jawatan ini oleh pegawai-pegawai tadbir tidak timbul sama sekali.
- (b) Antara tugas-tugas yang diberikan kepada Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali ialah penyemakan tanggagaji di atas seluruh perkhidmatan awam. Laporan suruhanjaya ini sedang diteliti oleh Kerajaan dan tidaklah payah Kerajaan mengeluarkan satu arahan berasingan kepada pihak siapapun untuk mengkaji semula matagaji permulaan bagi pegawai-pegawai professional. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa pada masa sekarang pun kebanyakan pegawai-pegawai professional telah juga diberi matagaji permulaan yang lebih tinggi atas tanggagaji Suffian daripada Pegawai Pentadbir atau lain-lain jawatan yang hanya memerlukan kelayakan Ijazah Kepujian.

PENYEBARAN DASAR-DASAR ISLAM

5. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Perdana Menteri menyatakan sebagai sebuah negara yang berdasarkan

Ugama Islam maka adakah pihak Kerajaan Malaysia pernah menyebarkan dasar-dasar Islam secara ringkas kepada pelancung-pelancung yang datang ke negara ini samada dalam bentuk buku-buku atau siaran-siaran. Kalau belum maka bilakah usaha yang begini bermunafaat akan dimulakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Senator Datuk Haji Othman bin Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, pihak Pusat Islam di Jabatan Perdana Menteri akan dan sedang menghubungi pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan (Tourist Development Corporation) (T.D.C.) bagi mendapatkan kerjasama di dalam menyebarkan risalah-risalah mengenai Islam yang diterbitkan oleh Perbadanan tersebut kepada pelancung-pelancung yang melancung ke negara kita ini.

Di samping itu pihak Kerajaan telah menyebarkan maklumat-maklumat berkenaan dengan Islam yang berbentuk risalah-risalah kepada pelancung-pelancung yang datang melawat khas ke Masjid Negara.

Setakat ini Pusat Islam telah menerbitkan risalah-risalah dalam bahasa-bahasa Malaysia, Inggeris dan China dalam dua siri iaitu:

- (a) Al-Yakin; dan
- (b) Al-Risalah.

GURU-GURU DENGAN PENAGIHAN DADAH

6. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaiakah bilangan guru-guru yang terlibat dengan penagih dadah hingga hari ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini didapati hanya lima (5) kes guru-guru yang telah dilaporkan terlibat dengan penagihan dadah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

(Soalan No. 7 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir)

HOSPITAL SARIKEI

8. Tuan Chieng Tiong Kai minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar

bahawa Hospital Sarikei terlalu penuh sesak dengan pesakit-pesakit dan samada Menteriannya mempunyai rancangan untuk membesarkan bangunan hospital ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, Hospital Sarikei mempunyai 40 buah katil sebelum Rancangan Malaysia Kedua. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, sejumlah \$236,000 telah dibelanjakan untuk memperbaiki Jabatan Pesakit Luar Hospital tersebut dan menambahkan wad. Dengan ini bilangan katil telah meningkat kepada 67 buah.

Kementerian Kesihatan sedar tentang kesesakan di hospital ini dan telah mengambil langkah-langkah sementara seperti menggunakan katil-katil sementara dan menempatkan pesakit-pesakit yang hanya perlu berihat ke dispensari-dispensari dan Pusat-pusat Kesihatan untuk rawatan selanjutnya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, cadangan membina sebuah Hospital Daerah yang mempunyai 100 buah katil di Saratok telah diluluskan. Dengan adanya hospital ini, pesakit-pesakit dari Daerah-daerah Kalaka dan Saribas bolehlah mendapatkan rawatan di Saratok dan dengan itu mengurangkan kesesakan di Hospital Sarikei.

ANGGOTA-ANGGOTA POLIS, KUALA LUMPUR

9. Tuan Haji Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar orang ramai bersungut bahawa kebanyakan anggota-anggota Polis yang bertugas dalam kawasan Kuala Lumpur tidak mengetahui kedudukan sesuatu kawasan dan jalanraya dengan tepat. Tidakkah anggota-anggota Polis ini diberi taklimat mempelajari alamat-alamat dan kedudukan kawasan apabila mereka bertugas di dalam Wilayah Persekutuan. Apakah rancangan pihak Kementerian dalam perkara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, kalau pun ada anggota-anggota Polis yang bertugas di kawasan Kuala Lumpur yang tidak mengetahui letaknya satu-satu kawasan atau jalanraya dengan tepat, mereka itu adalah anggota-anggota

yang baru ditukarkan ke sini dan pelatih-pelatih Polis yang menjalani latihan amali adalah sebahagian daripada matapelajaran asas mereka.

Latihan bagi mengetahui letaknya kedudukan sesuatu kawasan dan jalanraya memang ada diberikan kepadanya sebaik saja beliau ditukarkan ke Kuala Lumpur.

KEROSAKAN MORAL PELAJAR-PELAJAR

10. Tuan Haji Zakaria bin Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan kepada adanya bahaya-bahaya kerosakan moral di kalangan pelajar-pelajar kerana terpengaruh dengan tingkah-laku yang telah ditunjukkan oleh kebanyakan daripada guru-guru sukarela dari luar negeri yang berkhidmat di negara ini, adakah Kerajaan bercadang hendak menyekat kemasukan mereka atau mengenakan syarat-syarat yang sewajarnya supaya mereka tidak menunjukkan tingkah-laku yang bertentangan dengan keperibadian ketimuran yang kita hormati.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak menerima apa-apa laporan yang menunjukkan adanya bahaya-bahaya kerosakan moral di kalangan pelajar-pelajar kerana terpengaruh dengan tingkah-laku yang telah ditunjukkan oleh guru-guru sukarela dari luar negeri yang berkhidmat di negara ini. Oleh itu, Kementerian Pelajaran akan terus mengambil suka-relawan asing dalam bidang-bidang tertentu yang kita kekurangan tenaga pengajar untuk bertugas dengan Kementerian Pelajaran seperti yang telah dibuat di masa-masa yang lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat semua sukarelawan asing adalah diperlukan mengikuti Kursus Orientasi yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran sebelum mereka ditempatkan di sekolah-sekolah di negara ini.

Mana-mana sukarelawan asing yang tingkah-laku dan kerja mereka kurang memuaskan akan diminta meninggalkan negara ini dengan sertamerta oleh Kementerian Pelajaran. Jika Ahli Yang Berhormat tahu tentang kes-kes tertentu, saya berharap Ahli Yang Berhormat akan berhubung dengan Kementerian untuk mendapat siasatan dan tindakan yang sewajar.

SYARIKAT AWAM DALAM STOCK EXCHANGE

11. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa di dalam sedikit masa ini sudah ada terlalu banyak syarikat-syarikat Awam yang didaftarkan dalam "Stock Exchange" yang telah digantung daripada "Exchange" oleh sebab perbuatan-perbuatan yang buruk dan curang cara mengurus Syarikat-syarikat itu. Jika sedar, adakah beliau bercadang hendak mengadakan Undang-undang bagi meletakkan "Stock Exchange" itu di bawah pengawasan Kementerian beliau bagi melindungi pelabur-pelabur yang kecil.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar dari masa ke semasa memang ada syarikat-syarikat awam yang didaftarkan dalam pasaran saham (stock exchange) yang ditanggung perniagaan saham-saham mereka. Perlu dinyatakan bahawa keputusan penggantungan ini dibuat oleh Kuala Lumpur Stock Exchange Berhad, iaitu syarikat yang sedang mengurus Pasaran Saham Kuala Lumpur, menurut Memorandum dan Artikel Penubuhannya (Memorandum and Articles of Association). Biasanya penggantungan dibuat oleh kerana salah satu daripada sebab-sebab berikut:

- (i) Atas permintaan syarikat berkenaan;
- (ii) Penyusunan semula syarikat; dan
- (iii) Menunggu penjelasan ke atas perkara-perkara mengenai syarikat yang diminta oleh Kuala Lumpur Stock Exchange Berhad.

Ahli Yang Berhormat berkenaan juga menimbulkan perbuatan buruk dan curang cara mengurus syarikat-syarikat yang digantung. Berhubung dengan ini, langkah-langkah sedang diambil oleh pihak berkenaan untuk menyelesaikan masalah ini di bawah Akta Syarikat, 1965.

Mengenai pengawasan ke atas perkara-perkara berhubung dengan pasaran saham, tujuan utama Akta Perusahaan Sekuriti, 1973 ialah untuk menentukan supaya sesuatu pasaran saham boleh bergerak hanya setelah Menteri Kewangan berpuas hati bahawa pasaran saham itu mempunyai peraturan-peraturan yang sesuai mengenai keahlian dan pergerakannya.

RUNDINGAN PELAJARAN MALAYSIA/INDONESIA

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah keputusan-keputusan yang dicapai di dalam suatu rundingan yang dibuat di antara Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran kita dengan Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia di Kuala Lumpur (Mei, 1976) yang lalu, selain daripada Malaysia menawarkan biasiswa kepada Indonesia untuk melanjutkan pengajian lanjutan siswazah.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, di pertemuan di antara Yang Terhormat Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia dan saya di masa kunjungan Yang Terhormat Menteri itu ke Malaysia pada bulan Mei yang lalu, beberapa cadangan telahpun dibincangkan di antara kami berdua. Di antara beberapa perkara yang dibincangkan itu ialah mengenai kerjasama Malaysia—Indonesia di dalam bidang kebudayaan dan pelajaran seperti tersebut di bawah ini:

- (i) Cadangan untuk mendapatkan pelukis-pelukis dan tukang/guru senikraft dari Indonesia untuk menolong memperkembangkan seterusnya seni lukis dan seni pertukangan tangan di Malaysia;
- (ii) Rancangan pertukaran belia di antara Malaysia—Indonesia;
- (iii) Rancangan pertukaran kakitangan-kakitangan akademik di antara universiti-universiti Malaysia—Indonesia; dan
- (iv) Kemasukan buku-buku Bahasa Malaysia ke Indonesia.

Disebabkan perkara-perkara tersebut di atas memerlukan perbincangan dan rundingan selanjutnya di antara Kerajaan Malaysia dan Pemerintah Indonesia, oleh itu tidak apa-apa keputusan muktamad yang dibuat di pertemuan tersebut.

KOMINIS

13. Tuan Lukman bin Abdul Kadir minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar bahawa dengan tersebar nya berita-berita mengenai gerakan Kominis dengan begitu luas sekali sekarang ini menyebabkan rakyat berasa takut dan gelisah.

Kalau benar apakah tindakan Kerajaan bagi mendatangkan ketenangan fikiran rakyat kembali.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setahunya tidak ada kenyataan yang rakyat berada dalam keadaan yang sedemikian.

Kursus-kursus dan dialog-dialog diadakan di seluruh negara untuk menerangkan kedudukan keselamatan yang sebenarnya; dan dalam kursus-kursus ini adalah ditegaskan keadaan keselamatan memang serius tetapi adalah terkawal.

LATIHAN GURU SEMENTARA

14. Tuan Lee Lam Thye (di bawah S.O. 24 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Mengapa guru-guru sementara yang dipilih untuk dilatih diwajibkan mempunyai kepujian di dalam matapelajaran Bahasa Malaysia;
- (b) Samada tujuan Kerajaan ini ialah untuk menukar bahasa pengantar sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China; dan
- (b) Samada syarat yang diwajibkan ini akan diketepikan, jika tidak, mengapa.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) Guru-guru sementara yang dipilih untuk dilatih adalah dikehendaki memperoleh kepujian dalam Bahasa Malaysia di peringkat M.C.E. (selain daripada memiliki (S.P.M./M.C.E.) kerana dengan memenuhi syarat itu mereka akan dapat peluang membuat permohonan untuk masuk ke jawatan tetap dalam perkhidmatan pelajaran. Sebenarnya syarat seperti ini dikenakan kepada semua calon yang hendak masuk ke dalam semua perkhidmatan Kerajaan.
- (ii) Tambahan pula bahasa pengantar kursus-kursus latihan perguruan baik sepenuh masa selama 2 tahun ataupun dalam masa cuti ialah Bahasa Malaysia.
- (b) Tidak! Tujuan mewajibkan mempunyai kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia ini tidak ada kena-mengena

dengan soal menukar bahasa pengantar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China.

- (c) Syarat ini tidak akan diketepikan kerana sebab-sebab yang terkandung dalam (a).

PONTENG SEKOLAH

15. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Sejauh manakah kejadian ponteng sekolah di setengah-setengah sekolah di negeri Kelantan yang telah berlaku baru-baru ini;
- (b) Apakah sebab berlakunya kejadian ponteng sekolah itu;
- (c) Apakah kejadian ponteng sekolah itu berlaku juga di negeri-negeri lain di Malaysia ini;
- (d) Apakah tindakan yang akan diambil bagi mengatasi kejadian itu; dan
- (e) Adakah kejadian ponteng itu berlaku juga kepada setengah-setengah kakitangan sekolah atau kepada setengah-setengah guru seperti mengambil surat akuan sakit palsu atau sebagainya yang membolehkan mereka bercuti.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan-pertanyaan yang serupa dengan bahagian (a), (b), (c) dan (d) telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Silam dan Bachok pada 27hb Oktober, 1976 dan 22hb November, 1976 dan saya telahpun memberi jawapannya.

Mengenai bahagian (e), kejadian ponteng di kalangan guru-guru dan kakitangan sekolah sangat sedikit jumlahnya. Kebanyakannya telahpun dikenakan tindakan tatatertib. Tetapi sangat sukar untuk dijelaskan di sini samada mereka yang ponteng telah menggunakan surat-surat akuan sakit palsu untuk membolehkan mereka bercuti. Di bawah Peraturan 15, Perintah Am Bab "C" 1974, Ketua-ketua Jabatan hendaklah meluluskan cuti kepada mana-mana pegawai atau kakitangan yang mengemukakan surat akuan sakit samada dari doktor Kerajaan atau doktor swasta. Dalam kes perakuan daripada doktor swasta pegawai atau kakitangan itu hanya boleh diluluskan cuti sebanyak 2 hari sahaja pada sesuatu masa. Pihak Kementerian hanya akan dapat mengetahui samada

sijil itu palsu atau benar apabila diberitahu mengenainya, di mana penyiasatan segera dijalankan. Pihak Kementerian akan membuat aduan kepada pihak polis di samping mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya sebagaimana yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kelakuan dan Tatatertib, Perintah-perintah Am Bab "D" 1969. Pegawai-pegawai yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman buang kerja.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 adalah diberi di bawah ini)

FELDA LURAH BILUT—BEKALAN LETRIK

7. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada beliau sedar penduduk-penduduk di Rancangan FELDA Lurah Bilut, Bentong, yang dibuka sejak 18 tahun masih belum diperuntukkan bekalan letrik walaupun rumah pegawai-pegawai rancangan itu dan kilang getah heveacrub yang terletak di rancangan tersebut mempunyai bekalan letrik, jika ya, nyatakan langkah-langkah segera yang akan diambil untuk memperuntukkan bekalan letrik kepada rumah-rumah penduduk-penduduk rancangan tersebut.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Haji Mohd. Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, pembekalan letrik kepada Rancangan-rancangan FELDA adalah mengikut jadual dan peraturan Program Pembekalan Letrik Luar Bandar (Rural Electrification Programme) Kerajaan.

Kementerian saya sedang mengadakan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya bekalan letrik kepada Rancangan-rancangan FELDA dapat dipercepatkan.

Bekalan letrik yang diadakan untuk rumah-rumah Pegawai Rancangan FELDA Lurah Bilut adalah dari generator letrik Kilang Getah Lurah Bilut dan kuasanya adalah tidak mencukupi untuk menyambungkan bekalan ke rumah-rumah peneroka di Rancangan tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masaalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (14hb Disember, 1976)".

Tuan Yang di-Pertua: Sebagaimana yang telah dijanjikan semalam, sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Parit.

2.56 *ptg.*

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh muka surat 2, Jadual (Seksyen 3) Part IIA, Perenggan 11. (1) (b) seperti berikut:

JADUAL (Seksyen 3)

Part IIA

Registration of Malaysian Ships

(a) x x x x x x x x x

(b) the majority shareholding including the voting share of the corporation is held by Malaysian citizens free from any trust or obligation in favour of a non-Malaysian.

Saya suka menyentuh sedikit mengenai penyertaan bumiputra dalam bidang perkapalan mungkin tidak akan mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Kerajaan bukan disebabkan oleh tidak kemampuan mengelolakan perkhidmatan ini tetapi adalah oleh kerana beberapa sebab yang sengaja diadakan oleh kaum bukan bumiputra. Kewangan adalah perkara utama yang menyekat kemajuan kaum bumiputra dalam bidang perkapalan. Dalam bidang ini jika seseorang itu tidak memiliki kapalnyanya sendiri, maka kemajuan tidak akan tercapai. Ini adalah disebabkan keuntungan akan dihadkan oleh tuan-tuan punya kapal jika sekiranya kapal itu disewa. Sebagai buktinya kita lihat Syarikat Perkapalan Pelangi yang menyewa dua buah kapal yang sekarang ini telah ditutup, Syarikat Bumi Maritime Tankers Sdn. Bhd. dapat mengatasi soal ini melalui sebuah bank luar

negeri dan telahpun memiliki sebuah kapal tangki minyak pantai bernama Zaman Baru Tiga yang didaftarkan di Kuching.

Suka saya menarik perhatian Menteri berkenaan bahawa inilah sebuah syarikat perkapalan yang seratus-peratus dimiliki oleh bumiputra dan pertama kali mempunyai sebuah kapal, sendiri. Oleh kerana kemudahan mendapatkan wang membeli kapal tidak ada lagi, kaum bumiputra terpaksa berpaling kepada bangsa asing untuk mendapatkan wang dengan cara usahasama dan terdapatlah beberapa syarikat usahasama yang tidak sihat di mana tuan-tuan punya kapal bangsa asing dari Singapura, Thailand and Filipina mengambil kesempatan dan memindas kaum bumiputra yang akhirnya menjadi syarikat "Ali-Baba". Penyertaan bumiputra dalam bidang perkapalan juga terjejas oleh beberapa sebab. Penyertaan badan-badan berkanun dalam bidang ini seperti M.I.S.C., PERNAS dan lain-lain tidak akan menolong bumiputra yang telahpun berkecimpung dalam bidang ini, tetapi sebaliknya membunuh kemaraan mereka. Sepatutnya M.I.S.C. tidak menyertai perkapalan pantai (coastal shipping) tetapi patut menyokong mereka dengan mengalakan cargo ke pelabuhan-pelabuhan pantai Malaysia kepada syarikat-syarikat perkapalan bumiputra tempatan. Juga badan-badan berkanun seperti PERNAS dan lain-lain lagi seharusnya tidak mencampuri dalam bidang agensi perkapalan, tetapi sepatutnya menggunakan agensi perkapalan bumiputra tempatan yang ada pada masa ini. Cargo kering (dry cargo) pada masa ini dikawal oleh agensi-agensi asing dengan cara menggalakkan pengeluaran-pengeluaran dan pengilang-pengilang yang dipunyai oleh kaumnya sendiri menggunakan agensi-agensi bangsanya sendiri dan terdapatlah kilang-kilang Jepun menggunakan agensi-agensi bangsanya sendiri.

Pihak Kerajaan boleh membantu agensi bumiputra dengan menggunakan mereka untuk mengangkut dan mengambil barang-barang Kerajaan. Dalam bidang tangki minyak pantai (coastal tanker), syarikat-syarikat minyak seperti SHELL, ESSO, BP dan lain-lain peniaga perkapalan untuk mengangkut minyak dari kilang penapis ke pelabuhan-pelabuhan Malaysia seluruhnya menyewa kapal-kapal luar negeri seperti Singapura, Thailand dan Filipina. Syarikat bumiputra tidak diberi sokongan atau layanan yang baik, tetapi sebaliknya menawarkan hati mereka dengan beberapa cara. Ini pernah

berlaku dalam sebuah syarikat minyak di mana telah ditawarkan pajakan kapal 1,000 dwt ton yang paling murah untuk membawa minyak dari kilang penapis minyak mereka ke pelabuhan di Malaysia Timur.

Sungguhpun mereka dipelawa pajakan dengan cara tender tetapi tendernya diberikan dengan cara tidak sihat. Oleh yang demikian, saya berharap kepada pihak Kerajaan supaya memperhatikan perkara-perkara yang tidak sihat ini yang menghalang dan melemahkan kaum bumiputra dalam bidang ini dan mengambil tindakan yang sewajar dan segera untuk menolong syarikat-syarikat bumiputra. Jika sekiranya tindakan tegas tidak diambil, saya yakin hasrat Kerajaan untuk memberi 30% ekonomi dalam negara ini kepada bumiputra tidak akan tercapai dan ini adalah bertentangan dengan dasar Kerajaan.

3.02 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan saya berpendapat bahawa kita juga sudah terlambat; sepatutnya sudah lama Rang Undang-undang ini kita aktakan memandangkan kepentingan negara dan bangsa kita.

Dalam pada itu, saya berharap Kerajaan dalam mempraktikkan undang-undang ini patutlah kita berhati-hati bahawa di samping kita hendakkan kepentingan negara rakyat (warganegara) dan kalau boleh bumiputra dalam bidang ini, juga kita patut perhatikan supaya dengan adanya undang-undang ini tidaklah kapal-kapal dagang menjauhi daripada negara kita. Oleh sebab itu, saya percaya tentulah undang-undang ini telah digubal dengan begitu teliti supaya kedua-duanya iaitu kepentingan negara dan bangsa serta menarik perkapalan asing datang ke negeri kita akan dapat kita perhatikan.

Saya suka mencadangkan untuk menggalakkan warganegara dan juga kaum bumiputra menyertai bidang perkapalan ini kalau boleh pada masa kita hendak mendaftarkan ataupun menimbangkan permohonan kapal-kapal dagang iaitu walaupun tidak disyaratkan, tetapi kita menggalakkan atau kita beri keutamaan supaya mereka dapat memberikan sahamnya kepada warganegara iaitu bumiputra dengan cara usahasama. Dengan cara ini saya yakin sekiranya kapal-kapal dagang ingin menjalankan perniagaannya di negara

kita yang mereka tahu boleh menguntungkan akan dapat mengajak bumiputra dalam bidang ini.

Selain daripada itu, memandangkan bahawa negara kita ini hampir dikelilingi oleh lautan dan peranan perkapalan sejak beberapa abad yang lalu berkeliaran di sekitar negara kita, lebih-lebih lagi setelah kita mencapai kemerdekaan, saya rasa sudah sampailah masanya negara kita menimbang untuk mengadakan satu akta perkapalan seperti di England iaitu Navigational Act untuk meliputi semua aspek perkapalan dan pelayaran. Dengan ini saya percaya dan yakin perkapalan di negara kita ini dapatlah kita pertingkatkan mutunya demi kepentingan seperti yang saya katakan tadi. Pada masa-masa yang lalu adalah menjadi satu kesukaran, sebab terpaksa dibawa ke Kabinet kalau satu-satu usaha perkapalan yang belum ada dalam Akta Perkapalan kita. Sudahlah sampai masanya sebagaimana negara-negara lain samada rakyat ataupun sesiapa juga hendak mengadakan usaha-usaha perkapalan, misalnya, hendak mengadakan lay-up dan sebagainya atau shipping agency kalau ada undang-undang perkapalan yang lengkap dapatlah kita menjalankan apa juga usaha di bidang perkapalan. Begitu juga memandangkan bahawa kita akan menyertai bidang perkapalan seperti M.I.S.C., dan sebagainya di mana kita memerlukan pegawai-pegawai atau anak-anak kapal yang berkebolehan yang mana pada masa ini kita terpaksa menghantar mereka ke seberang laut. Saya rasa patutlah kita memikirkan samada Kolej Pelayaran atau Sekolah Perkapalan diadakan yang boleh melatih anak-anak kita untuk menjalankan bidang perkapalan seperti mana yang saya katakan tadi.

Selain daripada itu ahli-ahli Lembaga yang menguruskan, maksud saya ialah Lembaga Pelabuhan, saya harap kalau boleh mereka ini tidak terdiri daripada mereka yang ada kepentingan samada dalam syarikat-syarikat perkapalan atau sebagainya yang berhubung rapat dengan masalah pelabuhan. Dengan ini kita harap supaya perjalanan pentadbiran dapat berjalan dengan baik dan saya mencadangkan supaya perkara ini dapatlah kita kaji balik semula dengan tujuan sebagaimana saya katakan tadi untuk melicinkan pentadbiran perjalanan perkapalan dalam negara kita yang kita telah mencapai kemerdekaan hampir 20 tahun. Saya percaya dan yakin dengan adanya Akta ini tentulah perkara-perkara ini akan dapat ditimbangkan

supaya dapat mengawal pentadbiran perkapalan di negara kita dengan sebaik-baiknya. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.09 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, dalam mengalu-alukan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan), saya rasa masih belum terlambat lagi bagi Malaysia untuk melengkapkan Undang-undang Perkapalan yang digubal sebelum kita merdeka lagi. Keadaan dan suasana dalam masa 24 tahun (tahun 1952-1976) adalah sangat berbeza dan berubah. Tambahan pula negara kita sebagai sebuah negara yang membangun di negara berpantai, perlu berkehendakkan undang-undang yang lebih ketat dan lebih teratur dalam menjaga kapal-kapal dagang kita.

Negara kita sebuah negara yang kaya dengan hasil bumi seperti getah dan bijih timah, adalah merupakan hasil utama negara kita. Malaysia terkenal sebagai sebuah negara pengeluar getah asli dan bijih timah. Kita bukan sahaja mempunyai bahan-bahan mentah, seperti kelapa sawit dan nenas, malahan mempunyai hasil minyak mentah yang tinggi mutunya di rantau ini. Semuanya ini memberi keteguhan ekonomi negara kita.

Dengan adanya hasil utama negara kita, saya rasa sebagai negara berpantai, maka adalah kena pada tempatnya kapal-kapal dagang kita diperlengkapkan untuk membawa hasil utama keluar negeri. Kita tidak boleh hanya bergantung kepada kapal-kapal asing sahaja seperti Straits Steamship misalnya, sebaliknya diperbanyakkan kapal-kapal dagang dari pengusaha tempatan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jadual Part IIa, Clause 11 mengenai pemegang saham majoriti yang antara lainnya berkehendakkan sekurang-kurangnya tiga perlima (3/5) jumlah pengarah perbadanan terdiri daripada warganegara Malaysia. Untuk menjamin bahawa kuasa penuh berada di tangan warganegara kita, maka saya rasa ini adalah satu clause yang wajar untuk memberi kuasa majoriti kepada warganegara kita dalam menentukan pengendalian pengurusanannya. Dalam pada itu, saya juga ingin mengesyorkan bahawa agensi-agensi Kerajaan hendaklah memainkan peranan utama di dalam memperbanyakkan

pengarah-pengarah Bumiputra dalam penguurusan perbadanan tersebut. Agensi-agensi Kerajaan adalah perlu seperti Tabung Haji, Perbadanan Perkapalan Malaysia, FELDA, atau badan-badan yang berhubungan dengan hasil bumi Malaysia, duduk di dalam Lembaga tersebut. Adalah difikirkan bahawa mereka ini dapat mewakili kepentingan pasaran seperti getah, bijih timah, kayu balak, kelapa sawit, nenas dan sebagainya untuk di eksport keluar negeri, dengan harapan bahawa mereka dapat memberi buah fikiran yang berguna.

Tuan Yang di-Pertua, Part IIB mengenai Lembaga Pclesenan Perkapalan Domestik, Clause 65B (2) (e). Mereka yang duduk dalam Lembaga Pengarah ini hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar tahu akan selok perniagaan. Kehadiran mereka boleh memberi sumbangan besar kepada negara dan tidak semata-mata untuk mengisi kekosongan Pengarah sahaja.

Tujuan besar perdagangan ialah untuk mendapatkan keuntungan seberapa banyak yang boleh. Mereka yang pakar dan berpengalaman sahaja yang perlu dilantik dan ini menjadi aset kepada Lembaga. Saya juga mengesyorkan bahawa Dewan Perniagaan Melayu Malaysia hendaklah juga dilantik duduk dalam Lembaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Clause 20 mengenai nama-nama kapal. Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia atau ringkasnya M.I.S.C. menggunakan nama-nama kapalnya dengan nama bunga-bunga di Malaysia. Saya rasa adalah lebih wajar, sekiranya nama-nama baru hendaklah digunakan dengan nama-nama burung di Malaysia seperti rajawali (eagle), merpati, merak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu, burung-burung ini digunakan untuk menyampaikan khabar berita-berita. Dari segi perdagangan misalnya, kapal-kapal dagangan memainkan peranan utama untuk membawa hasil-hasil dagang bagi sesebuah negara itu. Oleh itu, saya fikir adalah kena pada tempatnya nama burung di Malaysia digunakan di kapal-kapal tempatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja, dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.14 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, di hadapan kita hari ini ada satu Rang Undang-undang yang dikenali sebagai Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1976 yang bertujuan membentangkan satu undang-undang "cabotage" dengan menghadkan perniagaan perkapalan coastal kepada kapal-kapal yang dimiliki oleh rakyat Malaysia di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa Akta ini telah lama ditunggu-tunggu oleh Syarikat perkapalan tempatan kerana perniagaan perkapalan coastal di antara Malaysia Timur dan Semenanjung Malaysia telah lama dikuasai oleh kapal-kapal yang dimiliki oleh orang-orang asing, yang selama beberapa tahun ini memegang peranan penting dalam menentukan perjalanan perniagaan itu di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat empat buah syarikat-syarikat perkapalan besar yang menjalankan perniagaan perkapalan coastal. Dalam empat buah syarikat-syarikat perkapalan besar yang saya maksudkan ialah Straits Shipping, Kei Hock, Guan Guan dan M.I.S.C. Coastal Service. Hanya M.I.S.C. Coastal Service sahaja yang merupakan satu Syarikat yang dimiliki oleh rakyat Malaysia sepenuhnya. Syarikat-syarikat Straits Shipping, Kei Hock, dan Guan Guan memiliki 83 peratus kapal-kapal yang menjalankan urusannya melalui jalan-jalan coastal dan mengangkutkan sebanyak 70 hingga 80 peratus cargo dan bakinya diangkut oleh kapal-kapal yang dimiliki oleh M.I.S.C.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengadakan satu dasar "cabotage", yang pada pandangan saya patut diberi pujian dan sanjungan, akan tetapi, apabila Rang Undang-undang diteliti dan ditinjau dengan mendalam, nampaknya peruntukan yang ujud di dalam Rang Undang-undang ini adalah bertentangan dengan undang-undang "cabotage" atau dasar "cabotage" yang kita hendak mengamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya berucap selanjutnya, sukacita saya ingin menegaskan di sini bahawa tujuan utama untuk mengadakan satu dasar "cabotage" kita sendiri ialah memberi kepada kita hak kargo

bagi pergerakan kargo tempatan dari sebuah pelabuhan di Malaysia kepada pelabuhan lain di dalam negara kita untuk memberi faedah kepada kapal-kapal yang dipunyai oleh rakyat Malaysia dan melayakkan mereka bagi perdagangan pengangkutan tempatan.

Dasar seperti itu bukanlah sesuatu yang baru kerana adalah diterima di peringkat antarabangsa dan dilaksanakan oleh negara-negara seperti Jepun, Indonesia, Australia, Filipina dan lain-lain dengan tidak ketinggalan juga negara-negara Eropah.

Walau bagaimanapun, saya sangat ragu iaitu samada Rang Undang-undang ini, yang dibentangkan di hadapan kita hari ini dan menunggu diluluskan, akan dengan sebenarnya membolehkan ditubuhkan suatu dasar "cabotage" yang akan memberi faedah kepada kapal-kapal yang dipunyai oleh Malaysia sendiri.

Dan di sini saya ingin merujuk kepada fasal 4. Di sini saya minta izin untuk membaca apa yang telah diberitahu oleh Rang Undang-undang ini.

4. (1) Walaupun Bahagian II Ordinan itu dimansuhkan di bawah seksyen 3—

(a) sesuatu kapal yang didaftarkan di mana-mana port dalam Malaysia pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan di bawah Bahagian II Ordinan itu hendaklah, tertakluk kepada seksyen-kecil (2), disifatkan sebagai telah didaftarkan di bawah Akta ini bagi tempoh selama lima tahun mulai dari tarikh itu.

(b) Pemansuhan itu tidak boleh menyentuh apa-apa yang telah dibuat atau apa-apa perbuatan yang telah dilakukan di bawah Ordinan itu sebelum tarikh yang ditetapkan itu.

(2) Pemegang sesuatu perakuan pendaftaran di bawah Bahagian II hendaklah memohon kepada pendaftar untuk didaftarkan kapalnya di bawah Bahagian baru IIa dalam masa lima tahun dari tarikh yang ditetapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah peruntukan-peruntukan Seksyen 4 (1) dan (2) Rang Undang-undang ini yang saya nyatakan tadi, itu bermakna adalah mudah atau senang

bagi Syarikat-syarikat Perkapalan Asing menubuhkan Syarikat-syarikat yang didaftarkan di Malaysia dan mendaftarkan kapal-kapal mereka dengan Pendaftaran Kapal-kapal dan melayakkan mereka menjalankan kerja punggah-memunggah di bawah dasar "cabotage" selama 5 tahun sekurang-kurangnya.

Dalam keadaan yang beginilah syarikat-syarikat perkapalan kepunyaan negara asing akan dapat juga bersaing dengan kapal-kapal kepunyaan rakyat Malaysia dalam usaha mereka membawa barang-barang atau kargo mereka sendiri dalam kontek dasar "cabotage" kita dan ini merosakkan peluang kapal-kapal kita sekarang.

Dalam lain-lain perkataan Tuan Yang di-Pertua, Kapal-kapal kepunyaan orang asing dan kapal-kapal kepunyaan rakyat Malaysia berlumba untuk membawa barang-barang kita selama 5 tahun, dan selepas itu baru dasar "cabotage" mula memikirkan untuk kapal-kapal yang dimiliki oleh rakyat Malaysia.

Maka apakah sebenarnya dasar "cabotage" ini? Dan adalah kita mempunyai dasar "cabotage" yang merosakkan kepentingan rakyat Malaysia? Atau adakah kita akan mengadakan dasar "cabotage" dalam mana kita tidak dapat menikmati hak mengangkut barang-barang atau kargo kita sendiri.

Tidak ada satu negeri dalam dunia ini di mana dasar "cabotage" yang ujudnya hanya untuk merosakkan kepentingan negeri itu sendiri.

Dengan sebab-sebab yang telah saya terangkan sebentar tadi, saya mencadangkan bahawa bagi kepentingan-kepentingan kapal-kapal dan Syarikat Perkapalan kepunyaan orang atau rakyat Malaysia, dan juga atas kepentingan Lembaga Pelesenan Perkapalan Tempatan yang tertubuh di bawah Bahagian IIB Akta ini, maka Seksyen 4 Akta ini patut dipinda dengan memasukkan syarat-syarat yang berikut:

- (1) Semua kargo yang dibawa dengan laut dari sebuah pelabuhan Malaysia ke sebuah pelabuhan lain hendaklah dibawa hanya dengan menggunakan kapal-kapal kepunyaan rakyat Malaysia dahulu;
- (2) Untuk melayakkan sebagai kapal kepunyaan rakyat Malaysia, kapal itu mesti dipunyai oleh syarikat rakyat Malaysia dalam mana bilangan terbesar saham-sahamnya dipunyai oleh rakyat Malaysia.

- (3) Walau bagaimanapun, jika kargo untuk diangkat itu berlebihan, maka sebanyak yang tak boleh dibawa oleh kapal-kapal kepunyaan rakyat Malaysia sahaja boleh dibawa oleh kapal-kapal kepunyaan orang asing iaitu kapal-kapal asing yang didaftarkan di bawah Syarikat-syarikat Malaysia.

Dan akhirnya saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan fungsi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai fungsi Lembaga Pelesenan Perkapalan Tempatan, yang tertubuh di bawah Bahagian IIB, saya berpendapat bahawa selain daripada mengatur dan mengawal pelesenan perkapalan untuk perkapalan tempatan di bawah Ordinan ini, Lembaga ini patut juga menentukan jenis dan peringkat perkapalan dari semasa ke semasa untuk melayani perdagangan perkapalan tempatan.

Cadangan-cadangan yang diterangkan itu adalah cadangan-cadangan tulin demi kepentingan rakyat Malaysia dan kapal-kapal kepunyaan rakyat Malaysia dan Syarikat-syarikat Perkapalan Malaysia.

Adalah menjadi hasrat saya supaya Kementerian akan memberi pertimbangan atas cadangan saya sebelum Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan.

Hanya dengan cara ini dapat kita melaksanakan satu dasar "cabotage" demi kepentingan syarikat-syarikat kepunyaan rakyat Malaysia seperti yang ujud sekarang dan bukan sebaliknya.

3.20 pg.

Tuan Haji Abdul Manan bin Haji Othman (Kemaman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya percaya dengan kuatkuasanya Rang Undang-undang ini, maka kita akan dapatlah melangkah ke hadapan untuk memajukan perkhidmatan perkapalan dalam negeri kita. Sehingga hari ini dasar-dasar Kerajaan nampaknya adalah bertumpu kepada Syarikat Perkapalan MISC sahaja yang mana tidak dipunyai oleh Kerajaan 100%. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak ada langsung dasar yang menunjukkan bahawa Kerajaan akan memaju dan menggalakkan pihak swasta mengambil bahagian

di dalam lapangan ini. Pada pendapat saya mustahaklah Kerajaan membuat satu dasar dengan objektif dan matlamat yang tertentu berdasarkan kepada ekonomi dan perniagaan serta aspirasi negara. Dengan pindaan Rang Undang-undang ini memanglah pada pendapat saya sukar untuk warganegara khususnya bumiputra untuk mengambil bahagian dan mendaftarkan kapal-kapalnya. Oleh kerana kekurangan expertise maka pihak pelabur-pelabur, khususnya bumiputra tidaklah dapat membuat nilai-nilai di atas peluang-peluang yang ada untuk melabur dalam lapangan ini yang berkehendakkan modal yang besar serta jangka masa yang panjang. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seharusnya pada pendapat saya Kerajaan menyediakan iklim pelaburan yang sesuai supaya boleh pelabur-pelabur, khususnya bumiputra juga melabur. Di sini izinkan saya mencadangkan Kerajaan mengadakan insentif-insentif yang tertentu bukan sahaja untuk kapal-kapal coasters tetapi juga foreign going supaya keputusan yang telah diterima oleh Bangsa-bangsa Bersatu yang mana tiap-tiap negara itu mengambil kesempatan mengangkut 40% perdagangan antarabangsa negara itu sendiri dan 20% perdagangan negara lain ataupun third country mencapai matlamatnya.

Satu daripada syarat-syarat pendaftaran yang termaktub di dalam Rang Undang-undang ini adalah kapal-kapal itu dikehendaki dipunyai oleh syarikat tempatan. Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pelaburan untuk mengadakan kapal-kapal itu ataupun mengambil alih syarikat-syarikat perkapalan itu adalah memakan modal yang besar maka saya bercadang supaya Kerajaan juga membenarkan kapal-kapal niaga yang disewa cara time-charter ataupun bare boat charter atau lease dengan masa yang terhad juga dibenarkan daftar di Malaysia dan juga diberi bendera Malaysia. Jadi, pada pendapat saya inilah satu daripada cara-caranya dapat kita menggalakkan pihak swasta khususnya bumiputra mengambil bahagian di dalam lapangan ini.

Berhubung dengan perkara ini, izinkan saya juga, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh berkenaan dengan ejen-ejen perkapalan. Sehingga hari ini nampaknya ada kesukaran atau kesulitan yang dihadapi oleh pihak pelabur-pelabur yang ingin menjadi ejen-ejen oleh kerana Kerajaan tidak ada menentukan dasar-dasar yang tertentu. Sekarang ini perlesenan-perlesenan ini ialah dibuat oleh

Kastam dan setahu saya tiap-tiap Pejabat Kastam di tiap-tiap pelabuhan itu mengaturkan kelulusan lesen-lesen ini dengan tidak ada dasar yang tertentu dan caranya berlainan di antara satu pelabuhan ke satu pelabuhan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

3.28 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, sudah pun menjadi lazim bahawa tiap-tiap Rang Undang-undang dibawa ke Dewan yang mulia ini memang ada dihujungnya Huraian yang mana memberi banyak faedah dan mcnafaat kepada Ahli-ahli Dewan ini untuk mengetahui tujuan sesuatu Rang Undang-undang itu. Tetapi nampaknya kebelakangan ini Huraian-huraian Rang Undang-undang semakin lama semakin sedikit dan semakin lama semakin tidak begitu memberi pertolongan kepada Ahli-ahli Dewan.

Sebagai contohnya, Rang Undang-undang yang ada di hadapan Dewan kali ini amat pendek sekali Huraianya dan tidak memberi gambaran yang sejelas-jelasnya kepada apakah tujuan yang sebenar Rang Undang-undang ini dan tidak memberi apa-apa pertolongan sekalipun melainkan memberi pandangan yang begitu kasar sahaja di atas kandungan dan tujuan-tujuan satu persatu peruntukan-peruntukan ataupun peraturan yang ada di Dewan ini. Rang Undang-undang yang dikemukakan semuanya 18 muka, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Huraianya begitu sedikit sekali dan apabila Rang Undang-undang ini diberi kepada saya, terpaksa saya membaca daripada muka 1 sampai terakhirnya untuk mendapat ketahui apa sebenarnya intisari atau objektif Rang Undang-undang ini. Itupun masih samar-samar. Terpaksalah seseorang Ahli Dewan ini menunggu setelah Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi ucapannya baharulah kita dapat benar-benar mengetahui apa matlamat dan tujuan Rang Undang-undang ini. Dan setelah Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi huraianya, ucapan motionnya maka tidak sempat pergi ke library, pergi ke khutub-khanah hendak membuat apa-apa research ataupun penyelidikan oleh kerana masa sudah begitu suntuk. Saya sungguh-sungguh berharap di masa-masa yang akan datang,

kalau boleh, dapatlah kiranya Huraian-huraian Rang Undang-undang dapat memberi panduan yang lebih lagi kepada Ahli-ahli Dewan supaya kami di sini dapat membuat home work dan dapat memberi sumbangan yang lebih bermakna di dalam perdebatan di Dewan yang mulia ini.

Saya hanya suka hendak menyentuh satu perkara iaitu berkenaan dengan Fasal 2 iaitu yang menyatakan Akta ini hendaklah mula berkuatkuasanya dalam negeri Sabah dan Sarawak pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan pihak berkuasa negeri melalui pemberitahu dalam *Warta*. Mengapakah negeri-negeri Sabah dan Sarawak ini diasingkan daripada negeri-negeri yang lain, saya kurang faham mungkin agaknya negeri-negeri ini berkuasa di dalam hal itu, tetapi saya suka memberi pandangan kalau boleh biarlah perkara semacam ini dapat bergerak serentak seluruh Malaysia supaya perasuan bahawa negeri-negeri di Malaysia ini tidak ada berbeza-bebeza di antara satu sama lain dan dapat berjalan dengan baik. Sekiranya ada perbezaan semacam ini mungkin suasana yang kita hendak timbulkan itu tidak akan dapat dilaksanakan. Tetapi sepertimana saya telah katakan tadi, mungkin ada sebab-sebab yang menasabah, mungkin ada sebab-sebab Undang-undang Perlembagaan yang mana memerlukan keadaan semacam ini yang mana Sabah dan Sarawak diasingkan daripada negeri-negeri Malaysia Barat ini.

Perkara yang ketiga, yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan berkuatkuasanya Bahagian baru IIa dan IIb mengikut Rang Undang-undang ini. Bahagian baru IIa dan IIb ini akan berkuatkuasa 5 tahun, bermakna yang ada sekarang ini berlanjutan dan apa yang kita hendak tujukan ini hanya akan terlaksana pada masa 5 tahun yang akan datang. Jadi masa 5 tahun ini amat lama sangat kerana bermacam-macam boleh berlaku di dalam masa 5 tahun. Apa yang saya khuatir ialah 5 tahun daripada sekarang mungkin Rang Undang-undang ini sudah tidak lagi sejajar dan selaras dengan keadaan yang ada, jadi terpaksa pula kita membuat satu pindaan yang baru dan berkuatkuasa 5 tahun lagi. Jadi kita sentiasa di belakang, sentiasa tidak mengikut perkembangan itu, in-step, tidak selaras, tidak separas dengan perkembangan dan dengan masalah yang hendak diatasi ini. Sekiranya masalah itu

ada sekarang, maka masalah itu hendaklah diatasi pada masa sekarang.

Saya yakin dan percaya bahawa masalah yang ada yang telahpun dicuba untuk diatasi di dalam Rang Undang-undang ini seperti hendak diadakan pendaftaran kapal-kapal dan sebagainya kita berkehendak supaya kapal-kapal didaftarkan supaya banyak lagi warganegara Malaysia mempunyai kapal-kapal. Ini masalahnya dan ini perkara yang kita hendak atasi, jadi mengapakah kita hendak tunggu 5 tahun, perkara-perkara yang ada di dalam Rang Undang-undang ini baru-lah boleh mendedahkan kesan. Mengapa 5 tahun? Tidak bolehkah dalam setahun atau dua ataupun tiga tahun. 3 tahun pun rasa saya begitu lama juga, apatah lagi 5 tahun. 5 tahun bermakna satu pilihanraya umum, begitu panjang masanya. Saya fikir 5 tahun ini kurang menasabah untuk memberi kesan yang baik dapat kita perolehi daripada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Saya bukan tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini, saya amat bersetuju dan kerana itulah saya merayu supaya Bahagian baru IIa dan IIb ini kesannya jangan kita tunggu sehingga 5 tahun. Biarlah dapat peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian baru IIa dan IIb ini kesan-kesannya diperolehi, dilihat dan dinikmati sekurang-kurangnya tidak lewat daripada 3 tahun dan janganlah 5 tahun sepertimana yang terkandung di dalam Fasal 4, Rang Undang-undang ini.

Saya sungguh-sungguh berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan sudi menimbangkan rayuan ini demi kepentingan matlamat yang kita hendak tuju.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

3.35 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Perhubungan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan, cadangan-cadangan yang dianggap besar dan berguna, berfaedah kepada Kementerian ini dalam usaha melaksanakan Rang Undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, suka-lah saya menjelaskan secara umum pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat bahawa sebagaimana yang telah saya ucapkan dalam ucapan saya pada masa mengemukakan Rang Undang-undang ini adalah menjadi satu tujuan besar Kementerian ini yang telah mengadakan pindaan undang-undang ini dengan tujuan hendak membolehkan dan memberikan kesempatan kepada rakyat negeri ini sendiri mengambil bahagian yang lebih besar dan lebih penting dalam perusahaan perkapalan di Malaysia ini sendiri, terutama sekali dalam usaha-usaha untuk memenuhi kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit yang membayangkan seberapa boleh segala barang-barang kargo, baik kargo pukal dan seumpamanya haruslah diberi hak untuk menjalankan perdagangan ini kepada syarikat-syarikat perkapalan rakyat negeri ini yang mempunyai penyertaan bumiputra dalam syarikat-syarikat itu. Sukalah saya menyatakan memang inilah menjadi tujuan yang penting kepada pindaan Rang Undang-undang ini. Memanglah setelah memandangkan kepentingan negara dan rakyat dan kepentingan penyertaan bumiputra dalam bidang-bidang ekonomi maka Kementerian ini mengambil daya utama dan daya usaha meminda Undang-undang ini untuk membolehkan penyertaan rakyat negeri ini dan bumiputra dalam bidang perdagangan perkapalan ini.

Kita memang sedar bahawa Undang-undang ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat bahawa "British Navigation Act" umpamanya, telah beratus-ratus tahun diadakan tetapi oleh kerana kita sendiri menyedari kemampuan kita setelah kita memandangkan bahawa pelaburan dalam perdagangan dan perkapalan ini bukanlah satu pelaburan yang kecil. Maka memandangkan kemampuan-kemampuan kita pada masa-masa yang telah lepas sebelum dapat kita akui bahawa kita mempunyai kemampuan yang secukupnya maka mungkin oleh kerana itulah Undang-undang yang asal itu tidak dipinda tetapi setelah kita memandangkan perkembangan-perkembangan, kemajuan di tanahair kita sekarang ini bahawa kemampuan-kemampuan rakyat negeri ini dan kemampuan-kemampuan dan kesanggupan bumiputra juga telah membayangkan keadaan yang agak cerah, maka itulah sebab-sebabnya Undang-undang ini dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang disentuh mengenai kedudukan Pengarah dan seumpamanya, sukaiah saya menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa masalah ini telahpun dijelaskan dalam Rang Undang-undang ini dan di antara perkara-perkara lain yang diperlukan itu akan tentulah dapat ditimbang oleh Badan Pelesenan Perkapalan Tempatan ini apabila badan itu akan menjalankan tugasnya.

Berhubung dengan apa yang diragukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan dari Sepang mengenai perkara Fasal 4 (1), Statutory Provision untuk kapal yang telah didaftarkan boleh dianggap pendaftaran selama 5 tahun sebelum berdaftar semula. Saya berharap Ahli Yang Berhormat itu tidaklah salah faham bahawa yang kita maksudkan kapal itu dianggap telah didaftarkan tetapi bukanlah bererti ia telah layak menjalankan domestic shipping kerana apabila syarikat-syarikat seperti itu hendak menjalankan domestic shipping, syarikat-syarikat tersebut perlulah mendapatkan lesen dari Badan Pelesenan Perkapalan dan Badan Pelesenan Perkapalan ini tentulah akan menentukan syarat-syarat sebagaimana kehendak-kehendak dan tujuan-tujuan pindaan Undang-undang ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya jelaskan. Selain daripada itu saya sendiri mengaku akan mengambil perhatian di atas beberapa perkara yang dibayangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELABUHAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.46 *ptg.*

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Pelabuhan. 1963 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tujuan Akta pindaan ini ialah pertama, bagi memberi kuasa kepada Lembaga-lembaga Pelabuhan mengeluarkan lesen kepada syarikat ataupun orang-orang perscorangan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang diperlukan oleh Lembaga dengan syarat-syarat yang difikirkan sesuai oleh Lembaga tersebut.

Tujuan kedua pindaan tersebut ialah bagi membenarkan Lembaga-lembaga Pelabuhan dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri untuk membuat derma kepada badan-badan kebajikan.

Selain daripada tujuan-tujuan tersebut di atas pindaan ini juga bertujuan menghadkan tanggungan (liability) Lembaga-lembaga Pelabuhan berkenaan dengan perkara-perkara gantirugi di pelabuhan.

Undang-undang yang ada ketika ini tidak menentukan dengan tegasnya tanggungan gantirugi (liability) Lembaga-lembaga Pelabuhan berkaitan dengan operasi punggah-memunggah dan kehilangan ataupun kerosakan barang-barang di Lembaga-lembaga Pelabuhan. Ada kalanya Lembaga-lembaga Pelabuhan tidak berkait dengan kehilangan ataupun kerosakan barang-barang. Mungkin perkara ini telah berlaku semasa barang-barang tersebut adalah di dalam perjalanan perkapalan. Ada kalanya barang-barang rosak semasa operasi punggah-memunggah.

Oleh itu tujuan undang-undang ini ialah bagi menentukan dengan tegas lagi punca-punca kehilangan ataupun kerosakan barang-barang dan tanggungan gantirugi sepatutnya-lah dikenakan kepada punca-punca tersebut.

Pindaan Akta ini juga bertujuan melepaskan Lembaga-lembaga Pelabuhan daripada tanggungan gantirugi yang disebabkan oleh perkara-perkara semula jadi yang tidak dapat dielakkan (force majeure).

Segala urusan-urusan gantirugi mengikut pindaan Akta ini akan dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi untuk timbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.49 *ptg*

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberikan pandangan sebelum menyokong pindaan Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan, 1963 terutama sekali memandangkan keadaan negara kita pada hari ini telah kena pesat membangun maka sudah semestinya pelabuhan di mana-mana dalam negara kita ini menjadi pintu gerbang kepada negara kita terutama sekali dalam bidang perniagaan dan daripada segi eksport/impot begitu juga dari segi pelancungan. Pindaan yang dikemukakan di dalam Dewan pada hari ini telah kena pada tempatnya dan sesuai, tetapi masalah yang akan berbangkit ialah sejauh manakah pihak Kementerian dan pihak pelabuhan dapat melaksanakan daripada hasrat pindaan yang dibentangkan di dalam Dewan pada hari ini.

Fasal 2 memberi kuasa kepada Lembaga untuk melicinkan aktiviti-aktiviti di pelabuhan yang mana perlu untuk berhubung dengan pelaksanaan tugas-tugasnya. Kita semua tahu pada hari ini pelabuhan kita sentiasa penuh sesak dengan punggah-memunggah barang-barang dan berlaku beberapa kelewatan pada orang ramai atau tuanpunya barang hendak mendapatkan pengeluaran barangnya kerana kekurangan alat-alat yang tertentu di pelabuhan kita terutama sekali alat-alat moden dan juga perkara-perkara yang berbangkit dengan pekerja-pekerja dan sebagainya.

Dengan adanya pindaan ini, saya berharap pihak pelabuhan akan dapat menghubungi pihak yang berkenaan terutama peniaga-peniaga yang ada kaitan ataupun syarikat-syarikat yang telah mempunyai pengalaman dan kemudahan supaya dapat menolong dan meringankan beban yang dipikul oleh pihak pelabuhan sendiri.

Kita semua tahu di pelabuhan inilah juga satu daripada punca untuk Kerajaan menggalakkan orang ramai dan syarikat mengambil bahagian dalam perniagaan dan di sini kita tahu bumiputra yang pada hari ini kedudukannya masih lagi lemah dalam bidang

perniagaan. Saya harap dengan adanya pindaan Akta ini pihak pelabuhan akan memberikan perhatian dan keutamaan supaya peniaga-peniaga bumiputra yang berminat hendak menjalankan usahasama ataupun menjalankan sebarang usaha di pelabuhan itu diberi pertolongan, panduan dan sebagainya untuk mengelakkan pelabuhan itu dimonopoli oleh sesuatu golongan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa perbelanjaan untuk membesarkan sesuatu pelabuhan itu memakan belanja yang banyak dan mengambil masa yang panjang. Dalam perkara ini, saya minta supaya apa sahaja rancangan hendak dijalankan oleh pihak pelabuhan, dan dengan adanya kuasa yang telah diberi oleh Dewan ini kelak, hendaklah dijalankan dengan bijaksana atas usaha-usaha bersama yang boleh mendatangkan faedah kepada orang ramai. Sebagai contoh misalnya, pada hari ini kebanyakan pelancung-pelancung yang datang ke negara kita ini semata-mata datang melalui kapal terbang. Walaupun kita tahu ramai pelancung-pelancung yang menaiki kapal laut tetapi oleh sebab tidak ada satu-satu tempat pengkalan turun-naik yang sesuai di pelabuhan dalam negara kita, yang ada semuanya pengkalan itu cuma untuk memunggah barang. Jadi kuranglah minat kapal-kapal yang membawa pelancung yang datang singgah menurunkan penumpang-penumpang mereka melalui pelabuhan kita. Ini menjadi hasrat kita.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak pelabuhan bekerjasama dengan Perbadanan Pelancung Negara (Tourist Development Corporation) supaya mengadakan satu pengkalan khas untuk pelancung-pelancung turun-naik di pelabuhan tertentu. Pengkalan itu juga boleh digunakan dalam musim haji, tidak seperti hari ini kita dapati jemaah haji kita yang naik kapal terpaksa ditempatkan di letakkan terutama sekali di Pelabuhan Klang, beribu-ribu orang dimasukkan ke dalam setor barang-barang dan di situ ditunggu dan dinaikkan ke atas kapal dan tidak ada sedikit pun kemudahan peranginan dan alat-alat tertentu bagi memudahkan orang ramai untuk menikmati kemudahan itu. Kalau sekiranya pihak pelabuhan menjalankan usaha itu bersama dengan T.D.C., bukan sahaja akan meninggikan imej negara kita bahkan menaikkan nama Pelabuhan Klang dan juga di pelabuhan-pelabuhan lain. Setakat ini kita cuma ada satu sahaja di Pulau Pinang. Pelabuhan-

pelabuhan ini boleh mendatangkan hasil kepada negara kita daripada pelancungan bukan sahaja pelancung-pelancung daripada luar negeri bahkan juga daripada dalam negeri.

Pada hari ini, kita percaya di waktu cuti persekolahan, ramai murid sekolah keluar menengok keadaan keliling laut yang ada di sekeliling negara kita ini, tetapi tidak diberi peluang dan tidak ada tempat mereka hendak pergi. Sekiranya ada pengkalan seperti itu, saya percaya tentulah boleh kapal-kapal atau bot-bot untuk membawa kanak-kanak kita melihat negaranya melalui jalan laut. Itulah harapan saya mengenai Fasal 2.

Mengenai Fasal 3 membolehkan Lembaga membuat sumbangan-sumbangan kewangan kepada tujuan-tujuan awam ataupun amal. Selama ini kita telah mendengar rungutan bahawa di pelabuhan-pelabuhan itu terdiri ramai daripada pekerja yang berpendapatan rendah dan mereka itu ada di antaranya menjalankan kerja hari secara kontrak tetapi mereka tidak dapat pembelaan dari pihak Lembaga. Saya berharap dengan adanya pindaan seperti ini bukan sahaja akan menolong untuk merapatkan lagi hubungan antara pihak Lembaga dan pekerja bahkan dengan adanya pindaan ini pihak Lembaga boleh merancang untuk memberi kebajikan kepada pekerja-pekerja di pelabuhan yang berpendapatan rendah. Ini amatlah penting kerana dengan adanya hubungan baik, persefahaman dan persesuaian antara pekerja dan lembaga pelabuhan, saya percaya ianya akan menambahkan lagi kecekapan pekerja-pekerja di pelabuhan. Pada hari ini mereka sentiasa merungut kerana mereka merasa tidak dipedulikan.

Fasal 5 mengenai ajen yang akan bertanggungjawab memunggah barang-barang kapal itu. Ini juga penting, kerana kita tahu selalunya berlaku berbagai kecurian yang dikatakan pilferage barang-barang orang ramai atau barang-barang ahli perniagaan yang dibawa masuk ke dalam negara kita. Dan kita berharap dengan adanya tambahan Fasal 5 ini dapatlah nama baik pelabuhan itu akan bertambah tinggi imejnya dan akan dapat menggalakkan ramai lagi peniaga-peniaga di Malaysia ini menurunkan barang-barang mereka melalui pelabuhan-pelabuhan yang ada di Malaysia tidak seperti hari ini sehinggakan menjadi satu percakapan di mana-mana kita dikeji oleh sebab kurangnya

kawalan dan kurangnya alat-alat moden dan kemudahan di pelabuhan-pelabuhan kita. Sehingga banyak pengimpot dan pengeksport menghantar barang-barang mereka melalui pelabuhan di negara jiran. Dan kita tahu salah satu daripada negara jiran kita hidup kerana hasil yang besar daripada pelabuhannya sendiri. Negara itu menjadi kaya dan terkenal kerana hasil daripada pelabuhannya, daripada perkhidmatan dan alat-alatnya. Sekarang ini kita telah merdeka hampir 20 tahun maka sudah tibalah pula masanya Malaysia ini mempunyai pelabuhan yang cukup lengkap dan supaya boleh mendatangkan hasil negara dan juga boleh membanyakkan pekerjaan kepada rakyat negara kita sendiri

Akhir sekali mengenai Fasal 7 melanjutkan batasan tempoh sesuatu dakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini. Dengan adanya Fasal 7 ini, Seksyen 44 Akta ini adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "enam bulan" dengan perkataan "tiga tahun". Ini bermakna akan memberi masa yang lebih panjang kepada pihak pelabuhan untuk menjalankan sebarang dakwaan. Dan ini saya berharap jangalah pula dengan adanya masa yang lebih panjang diluluskan oleh Dewan ini kelak, pegawai-pegawai yang menjalankan kuatkuasa ini mengambil kesempatan untuk melengah-lengahkan dan akan mengurangkan kecekapan dan akan lebih menimbulkan kesulitan kepada orang ramai.

Sekianlah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya Akta ini.

3.49 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, pelabuhan di negara kita ini adalah baru dan mereka hanya bergerak sejak beberapa tahun sahaja. Namun demikian, pelabuhan-pelabuhan kita telah berjalan dengan baik dan telah memberi perkhidmatan yang agak cemerlang dan saya suka mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pelabuhan dan juga pekerja-pekerja serta semua mereka yang ada berkaitan dengan pelabuhan-pelabuhan kita. Daripada laporan-laporan tahunan yang telah dibentangkan atau dikemukakan di Dewan ini, saya dapati bahawa boleh dikatakan mereka membuat sedikit-sebanyak keuntungan dan apa yang terlintas difikirkan saya sungguhpun selama ini ada inendapat sedikit

keuntungan, tetapi saya hendak menyatakan berkenaan Fasal 3 ini yang nampaknya hendak memberi kuasa kepada Lembaga Pelabuhan untuk memberi derma kepada badan-badan samada public atau kepada charitable objects.

Di sini saya kurang faham apakah tujuan Fasal 3 ini yang memberi kuasa kepada Lembaga Pelabuhan untuk memberi derma kepada badan-badan yang tertentu. Saya mengakui bahawa fahaman saya dari segi perjalanan pelabuhan ini tidaklah begitu mendalam, mungkin agaknya badan-badan yang hendak diberi derma ini adalah badan-badan yang berkaitan dengan pekerja-pekerja pelabuhan itu mungkin. Jadi saya suka hendak mendapat penjelasan sedikit dan mendapatkan huraian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah sebab-sebab dan tujuan-tujuan Fasal 3 yang bertujuan sepertimana yang dikatakan:

"3 (7) The authority may, with the approval of the Minister, make any financial contributions to public or charitable objects."

Jadi suka saya hendak meminta sedikit pandangan dan huraian dari segi itu.

Sepertimana yang saya katakan tadi pelabuhan-pelabuhan kita ini sungguhpun baru tetapi telah mendapat kejayaan yang agak menggalakkan dan saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan samada Rang Undang-undang ini akan menjejaskan kedudukan pelabuhan kita dari segi mereka yang datang dari luar negeri hendak menggunakan pelabuhan kita. Adakah peruntukan-peruntukan yang ada di dalam ini akan discourage ataupun mempengaruhi pihak-pihak yang selalu menggunakan pelabuhan kita ini tidak mahu menggunakan pelabuhan kita tetapi menggunakan pelabuhan-pelabuhan yang lain. Mungkin mereka mendapati bahawa Rang Undang-undang yang ada ini agak ketat sedikit dan banyak yang telah menarikkan liability ataupun tanggungjawab Lembaga sekiranya berlaku sesuatu. Adakah timbul kemungkinan bahawa dengan kita mengurangkan sedikit sebanyak tanggungjawab Lembaga Pelabuhan kita sekiranya berlaku keadaan-keadaan yang seperti tercatat dalam Rang Undang-undang ini, adakah ini tidak menggalakkan syarikat-syarikat perkapalan asing daripada menggunakan pelabuhan kita, ataupun yang

hendak menggunakan, tidak mahu menggunakannya oleh sebab undang-undang baru yang hendak kita luluskan sebentar lagi. Ini juga suatu perkara yang saya tidak tahu apa jawabannya dan saya suka juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah telah dikaji dengan teliti kesan-kesan daripada pindaan ini samada ini boleh menimbulkan kemungkinan mereka yang sedang menggunakan atau yang akan menggunakan pelabuhan kita terutama mereka yang datang dari luar negeri bukannya dari warganegara Malaysia, tetapi daripada badan-badan atau syarikat-syarikat perkapalan luar negeri.

Saya juga suka menyentuh sedikit sahaja mengenai hujah-hujah atau perkara-perkara yang dianggap sebagai *force majeure* sebagaimana yang terkandung dalam Seksyen 19F yang mana akan dikecualikan tanggungan daripada Lembaga Pelabuhan. Ini juga saya suka hendak mendapat perhatian dan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan samada peristiwa-peristiwa ini atau keadaan-keadaan yang dianggap sebagai *force majeure* ini merupakan peristiwa-peristiwa yang dianggap oleh pelabuhan yang lain bukan sahaja di Malaysia tetapi amalan pelabuhan-pelabuhan yang lain. Kalau inilah amalan pelabuhan-pelabuhan di seluruh dunia maka saya fikir memang kenalah pada tempatnya kita mengikut, tetapi kalau sekiranya tidak, suka saya memberi pandangan bahawa sebaik-baiknya kita mengikut amalan pelabuhan-pelabuhan dunia kerana sepertimana saya katakan tadi kita baru lagi dan kita hendak menggalakkan penggunaan pelabuhan dan biarlah penggunaan pelabuhan kita itu menarik. Walaupun kita terpaksa lebih bertanggungjawab dan liability undang-undang yang lebih jika dibandingkan dengan pelabuhan negara yang lain—tidak mengapa, kerana pelabuhan kita ini baru dan kita terpaksa hendak menarik dan kita terpaksa memberi incentive serta galakan kepada pengguna-pengguna yang ada dan yang akan menggunakan supaya persaingan perkhidmatan kita ini lebih menarik daripada perkhidmatan yang diberi oleh pelabuhan-pelabuhan daripada negeri lain. Di samping itu, saya suka hendak menyatakan dari segi kemudahan-kemudahan yang ada, sungguhpun kemudahan-kemudahan yang ada baik dan bagus, tetapi banyak juga kekurangan kemudahan-kemudahan di pelabuhan kita dari segi hendak menggalakkan peng-

gunaan yang sepenuhnya dan memuaskan daripada syarikat-syarikat perkapalan luar negeri.

Saya memang mempunyai pengetahuan sedikit sebanyak bahawa ada syarikat-syarikat perkapalan kita sendiri yang telah menggunakan khidmat-khidmat pelabuhan negara asing, bukan kerana mereka tidak sayang atau kasih kepada negara kita ini, tetapi oleh kerana pelabuhan kita kurang memberikan keperluan-keperluan atau khidmat-khidmat yang diperlukan seperti bunkering, hendak menambah air dan sebagainya. Perkara-perkara semacam ini agak kekurangan sedikit dan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar dan mengetahui hal ini. Saya harap perkara-perkara untuk keperluan dan perkhidmatan yang tertentu bagi menggalakkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan kita akan dapat ditambah dengan seberapa cepat yang mungkin supaya perkhidmatan tidak kurang daripada mana-mana juga perkhidmatan yang diberi oleh pelabuhan-pelabuhan di negara-negara yang lain terutama di wilayah atau di kawasan kita ini.

4.08 ptg.

Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan), 1976 telah dimasukkan bahagian yang baru mengenai tanggungan Lembaga terhadap kerugian atau kerosakan di atas barang-barang di dalam hal ini.

Lembaga Pelabuhan patutlah menjadikan pelabuhan yang rapi dengan menggunakan serta pelanggan-pelanggan yang berminat dengan mengadakan perkhidmatan mereka di pelabuhan untuk mendapat kerjasama di pihak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelabuhan ini juga Lembaga Pelabuhan hendaklah meluaskan dengan seberapa segera permohonan-permohonan dari badan berkanun dan badan-badan swasta yang ingin menyewa atau memajak kawasan di pelabuhan-pelabuhan untuk mengenali barang-barang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, alat-alat punggah-memunggah dan sebagainya mestilah dipermodenkan dan diberikan terlebih dahulu sebelum menjalankan operasi itu supaya barang-barang itu terselamat semasa punggah-memunggah.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 dalam Akta ini membolehkan juga Lembaga membuat sumbangan kewangan kepada tujuan awam dan amal. Sebagai langkah pertama, saya syorkan supaya Lembaga menjalankan peruntukan yang ada kepada perkhidmatan awam dengan membina sebuah bangunan moden yang lengkap dengan alat-alat perhubungan, misalnya di Pelabuhan Kelang. Setiap musim haji orang ramai yang hendak menghantar jumaah haji terpaksa berpanas di bawah sinaran matahari yang terik dengan tidak ada tempat duduk untuk berlindung atau duduk jauh sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya bangunan-bangunan serupa ini dapat dibina yang lengkap dengan restoran, perhubungan talipon, perhentian teksi, bas dan stesyen keretapi yang kesemuanya di bawah satu bumbung akan secara langsung Lembaga telah memberi sumbangan dan perkhidmatan yang cemerlang kepada orang-orang awam.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 Akta ini berkenaan kebersihan di pelabuhan. Saya suka memberi pandangan dari salah satu pencemaran alam ini ialah pencemaran air dan udara ini boleh diatasi dengan berdikit-dikit. Tetapi kecemaran penglihatan (pollution) boleh didapati dengan segera seperti tong-tong buruk patutlah dibuang, zinc yang berkarat yang menjadi dinding kepada gudang-gudang haruslah ditukar dan dicat dengan warna yang menarik.

4.11 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali bagi pihak Kementerian ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan berbagai-bagai pandangan terhadap pindaan Rang Undang-undang ini. Dalam pada itu suka saya menjawab beberapa teguran dan pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat baru sebentar tadi.

Pertama sekali mengenai pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang yakni mengenai memberi kuasa kepada Lembaga Pelabuhan boleh memberi derma kepada badan-badan kebajikan atau seumpamanya. Sukalah saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukkan seperti ini memang telah terdapat di dalam Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau

Pinang yang telahpun diluluskan tidak berapa lama dahulu. Jadi untuk menyelaraskan di antara semua pelabuhan-pelabuhan di tanah-air kita ini, maka patutlah Lembaga-Lembaga Pelabuhan yang lain juga diadakan peruntukan yang sama supaya membolehkan pihak Suruhanjaya Pelabuhan itu memberikan derma-derma kepada badan-badan kebajikan yang patut ataupun kepada mana-mana pertubuhan yang menjalankan kerja-kerja amal dengan dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri.

Berhubung dengan masalah Rang Undang-undang ini, adakah dengan adanya pindaan-pindaan Undang-undang mengenai gantirugi (liability) akan menjejaskan pelabuhan kita. Adakah kerana adanya undang-undang ini akan mendisouragekan pedagang-pedagang ataupun syarikat-syarikat perkapalan asing. Sukalah saya menjelaskan bahawa di Pelabuhan Pulau Pinang, undang-undang yang seperti ini telahpun kita luluskan dan di mana-mana pelabuhan juga undang-undang seperti ini ada terdapat. Tetapi entah bagaimana Lembaga Pelabuhan Kelang umpamanya undang-undang seperti ini telah ketinggalan daripada dimasukkan peruntukan ini. Dengan sebab itu, banyak kesulitan-kesulitan yang telah dihadapi oleh Lembaga Pelabuhan Kelang umpamanya dalam masalah-masalah tuntutan gantirugi. Sepatutnya di dalam masalah seperti ini dari segi pandangan biasa sahaja pun boleh kita tentukan bahawa sesuatu kehilangan itu tidaklah boleh dipaksa. Misalnya, katakan kita sendiri menyewa sebuah hotel, kemudian berlaku kehilangan barang kita dalam hotel itu, tentulah tidak patut kita menuntut supaya tuan hotel itu membayar gantirugi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bergantung kepada apa yang hilang.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Demikian juga keadaannya yang berlaku di pelabuhan ini, kerana bukan semua kehilangan itu menjadi tanggungjawab dan kesalahan Lembaga Pelabuhan maka tidaklah patut gantirugi seperti itu dituntut daripada Lembaga Pelabuhan. Tetapi walau bagaimanapun, dalam peruntukan ini ada ditentukan bahawa Lembaga Pelabuhan bolehlah menjalankan compromise, ada jenis-jenisnya yang boleh ditentukan dengan tepat maka dibolehkan Lembaga Pelabuhan membayar gantirugi itu, mengikut apa yang difikirkan patut. Jadi

saya rasa dengan adanya peruntukan ini tidaklah boleh kita katakan akan discourage kapal-kapal dagang atau syarikat-syarikat perkapalan dagang bagi menjalankan perniagaannya dengan pelabuhan-pelabuhan kita.

Mengenai Bahagian IIIA Seksyen 19f memanglah perkara seperti ini terdapat di mana-mana juga pelabuhan di dunia ini.

Berhubung dengan kemudahan-kemudahan yang ada, saya sendiri mengakui bahawa pelabuhan-pelabuhan kita ini tidaklah lengkap, tidaklah up-to-date sebagaimana pelabuhan-pelabuhan di negara-negara yang telah maju. Saya mengaku, misalnya masalah bunkering masih belum dapat kita jalankan oleh Lembaga Pelabuhan sendiri. Tetapi walau bagaimanapun di dalam pembangunan kita pada masa yang akan datang maka masalah bunkering ini adalah menjadi satu masalah yang penting yang kita harap akan dapat dijalankan oleh pihak Suruhanjaya.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak menyentuh mengenai keadaan penyertaan bumiputra dalam aktiviti-aktiviti perniagaan atau seumpamanya di pelabuhan-pelabuhan dalam mana kita tahu bumiputra masih terkebelakang dan diharapkan dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini dapatlah kita menggunakan kesempatan untuk menyelaraskan dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru kita yakni membolehkan bumiputra menyertai sama. Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kita akan memberi perhatian dalam masalah ini.

Dan lain-lain cadangan yang dikemukakan seperti meminta supaya pihak Lembaga Pelabuhan ini bekerjasama dengan pihak badan pelancung. Ini akan diambil perhatian. Dan masalah-masalah kerja umpamanya dengan pihak Lembaga Pelabuhan, saya berharap kita akan dapat perbaiki dari satu masa ke satu masa.

Masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar yakni meminta dibenarkan syarikat-syarikat menyewa kawasan-kawasan setempat dalam mana syarikat-syarikat itu memerlukan tempat bagi menjalankan perniagaannya atau aktiviti-aktivitinya dengan Lembaga Pelabuhan, saya rasa memanglah menjadi amalan di mana-mana Lembaga Pelabuhan memberikan kemudahan-kemudahan seperti ini kepada

syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan dan perniagaan ataupun sebarang aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan Lembaga Pelabuhan.

Demikian juga berkenaan dengan alat-alat yang digunakan oleh Lembaga Pelabuhan kita yang dianggap kurang moden. Saya rasa masalah ini kita sendiri pun menyedari dan akan diusahakan untuk memperbaiki dari masa ke semasa. Begitu juga masalah kebersihan dan lain-lain kemudahan.

Itulah sahaja jawapan saya dan mana-mana yang tidak saya jawab barangkali akan saya cuba kaji semula dan akan ambil perhatian atas teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditibangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7—

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Fasal 3 yang bertujuan untuk menambah suatu Seksyen baru (7) yang berbunyi:

“(7) The authority may, with the approval of the Minister, make any financial contributions to public or charitable objects.”

Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri bahawa bukankah kuasa ini begitu luas, begitu besar sekali kerana Seksyen baru (7) memberi kuasa kepada Akta Lembaga Pelabuhan untuk memberi sumbangan kewangan; bukan kepada badan tetapi kepada objects. Kalau dikatakan kepada badan tidak apa juga, ini dikatakan “contribution to public or charitable objects”, bukan kepada “charitable bodies” tetapi kepada objects, maka ini amat luas bahawa bermacam-macam boleh diberi sumbangan. Saya khuatir, takut-takut timbul nanti salahguna dan mulailah

Lembaga ini memberi seperti "Father Christmas", memberi bermacam-macam sumbangan kewangan kepada mana juga badan yang ada, yang mempunyai "public objects", bukan sahaja kepada "charitable", "public" pun sudah cukup, sebab ia tidak mengatakan "public and charitable objects" tetapi "charitable or" bermakna boleh memilih samada "public" ataupun "charitable". Kalau dikatakan "public and" tidak apa juga, sekurang-kurangnya tujuan itu mesti "public and charitable". Tetapi phrase yang digunakan itu "public or charitable" maka ini memerlukan lagi keadaan-keadaan ataupun kes-kes yang mana Lembaga Pelabuhan ini boleh memberi sumbangan kewangan. Saya menimbulkan perkara ini, kerana saya rasa inilah suatu badan berkanun, yang diberi kuasa yang sedemikian sungguhpun kita ada banyak badan-badan berkanun, saya rasa kalau tidak silap saya tidak ada kuasa yang diberi daripada badan-badan yang lain dan inilah julung kali kuasa begini luas diberikan kepada Akta Lembaga Pelabuhan, 1963 tetapi mungkin ada sebab-sebabnya dengan ini saya hendak minta huraian dan penjelasan sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk memberi sedikit penerangan apakah perlu kuasa yang begini luas diberi kepada Lembaga Pelabuhan ini.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Pengerusi, saya rasa saya bolehlah memberikan keyakinan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa tidaklah begitu mustahak diragukan atas peruntukan ini, kerana yang kita maksudkan bukan sahaja derma-derma itu kita boleh beri kepada public tetapi juga kepada "charitable objects". Masaalah ini sebetulnya agak mudah kita fahami kerana ada terkandung dalam tujuan-tujuan sesuatu badan kebajikan. Misalnya badan PEMADAM yang bertujuan membasmi kan dadah, Persatuan Batuk Kering atau seumpamanya yang bertujuan yang tertentu maka dibolehkan pihak Lembaga ini memberikan derma-dermanya seberapa yang patut tetapi menurut aturannya tentulah pihak Lembaga ini berkehendakkan kebenaran daripada Yang Berhormat Menteri.

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.27 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka), 1963 dibaca kali yang kedua sekarang.

Pada masa ini mengikut Seksyen 88 (1), Akta Kanun Tanah Negara, (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka), 1963, tempoh yang mesti tamat sebelum hakmilik terhadap sesuatu pegangan yang belum diperiksa dengan sepatutnya menurut peruntukan-peruntukan Bab I Bahagian VII Akta itu, menjadi tidak boleh disangkal dalam erti Kanun Tanah Negara, Akta 56/1965, ialah dua belas tahun berikutan, selepas hari yang ditetapkan. Hari yang ditetapkan itu bermula dari 1hb Januari, 1966. Oleh yang demikian tempoh itu akan tamat pada 31hb Disember, 1977 yang akan datang.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Seksyen 88 (1) itu, supaya pihak Berkuasa Negeri, berkuasa melanjutkan tempoh yang akan luput itu mengikut keadaan, dan budi masing-masing negeri, Pulau Pinang dan Melaka.

Perlanjutan ini adalah bertujuan untuk membolehkan kerja-kerja penyiasatan ke atas geran-geran tanah di dalam Buku Daftar Sementara (Interim Register) di dalam negeri Pulau Pinang dan Melaka. Tempoh lanjutan ini akan bermula pada 1hb Januari, 1978.

Di dalam negeri Pulau Pinang ada lebih kurang 120,000 Suratan Hakmilik yang berdaftar di dalam Daftar Sementara, manakala Negeri Melaka pula mempunyai Daftar Sementara yang mengandungi lebih kurang 25,000 Suratan Hakmilik.

Mengikut Akta Hakmilik tersebut, yang berjalan kuatkuasanya pada 1hb Januari, 1966, Suratan Hakmilik dalam Daftar Sementara itu akan jadi tidak boleh disangkal apabila habis tempoh 12 tahun daripada tarikh 1hb Januari, 1966. Ini bermakna Suratan

Hakmilik itu akan jadi Hakmilik Tak Boleh disangkal pada 31hb Disember, 1977. Suratan Hakmilik itu semuanya akan diganti dengan Suratan Hakmilik di bawah Kanun Tanah Negara.

Pengarah Hakmilik Geran-geran Tanah Pulau Pinang mempunyai tugas untuk memeriksa dan menentukan sesuatu Suratan Hakmilik itu teratur dan bersih. Pengarah Hakmilik Geran-geran Tanah Pulau Pinang juga menentukan tuntutan-tuntutan hakmilik di bawah Seksyen 53 Akta yang tersebut. Suratan Hakmilik Gantian, di bawah Kanun Tanah Negara, Akta 56/1965, juga hendaklah disediakan dan dikeluarkan selepas pemeriksaan yang rapi dibuat di bawah Seksyen 84, Akta Hakmilik itu dan disahkan sebagai Hakmilik yang Tidak Boleh di Sangkal.

Mengikut lapuran yang diterima oleh Kementerian ini sehingga 1hb Januari, 1976, Negeri Pulau Pinang cuma dapat menyelesaikan sebanyak 2½% daripada lebih kurang 120,000 Suratan Hakmiliknya yang berdaftar dalam Daftar Sementara yang perlu diperiksa, manakala Melaka telah dapat menyelesaikan 75% daripada kurang lebih 25,000 Suratan Hakmilik.

Proses pemeriksaan yang dijalankan di Negeri Pulau Pinang adalah mengikut Seksyen 84 Akta yang tersebut. Proses pemeriksaan memakan masa yang lanjut kerana prosesnya berkehendakkan notis selama 6 bulan untuk apa-apa bantangan dikemukakan ke atas Suratan-suratan yang Hakmilik yang diperiksa itu.

Kementerian ini berpendapat bahawa kerja-kerja untuk pemeriksaan adalah rumit dan memakan masa yang panjang untuk menyelesaikannya.

Pada masa tertubuhnya Jabatan Hakmilik di Negeri Pulau Pinang pada tahun 1966, Jabatan itu adalah Jabatan Persekutuan dan diketuai oleh seorang Pengarah Hakmilik Geran Tanah yang mempunyai Ibu Pejabat di Pulau Pinang. Pegawai yang mengawasi kerja di Pulau Pinang juga mengawasi kerja-kerja untuk Negeri Melaka. Pegawai-pegawai yang bertugas dan pegawai-pegawai kerani yang melaksanakan kerja di Pulau Pinang itu adalah terhad. Hasil pengeluaran kerja juga terhad.

Pengasingan kerja untuk Pulau Pinang dan Melaka bermula pada Januari, 1973. Negeri Pulau Pinang seterusnya mengadakan seorang

Pengarah Hakmilik Geran Tanah yang mempunyai tugas yang khas untuk Pulau Pinang sahaja.

Negeri Pulau Pinang meneliti Suratan Hakmilik mengikut peruntukan di bawah Seksyen 84, Akta Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka itu. Inilah di antara sebab-sebab mengapa kerja sulit dijalankan. Kerja-kerja lebih mudah dijalankan di Negeri Melaka kerana Negeri Melaka cuma menjalankan pemeriksaan melalui Buku Daftar Pindah Milik sahaja. Ini pada kebiasaannya memakan masa yang singkat. Dengan pindaan yang disyorkan kepada Seksyen yang tersebut seperti di Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang, maka Kerajaan Negeri masing-masing berkuasa melanjutkan tempoh pemeriksaan Hakmilik dari satu masa ke satu masa dengan cara, pemberitahu dalam Warta Kerajaan masing-masing.

Adalah diharapkan dengan pindaan ini ia-nya akan dapat membenarkan Pendaftar Hakmilik Tanah, melaksanakan kerja-kerja beliau dengan teratur dan memuaskan hati rakyat yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.34 ptg.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Paub): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyokong pindaan kepada Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) tahun 1963 dan dalam menyokong ini, saya juga ingin membawa tiga pandangan yang pada fikiran saya elok dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Yang pertama, saya ingin menyoal samada wajar atau tidak bagi Dewan yang mulia ini menyerahkan satu kuasa yang begitu penting kepada Kerajaan Negeri iaitu State Authority yang tidak terhad jangka masanya sungguhpun pada hal dalam Kanun Tanah Negara sendiri telah menghadkan jangka masa selama 12 tahun. Ini ialah kuasa yang diberi kepada Dewan yang mulia ini tetapi sekarang dengan adanya pindaan ini kuasa yang diberi kepada Dewan ini kita akan serahkan kepada Kerajaan Negeri (State Authority) tanpa had. Ini saya ingin menyoal samada wajar atau tidak.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Yang kedua, kita tahu sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa adalah rumit masalah hakmilik tanah di negeri Pulau Pinang tidak serupa seperti di Melaka. Walau bagaimanapun, perkara kesulitan ini dapat diatasi jika perkara-perkara yang tertentu dijalankan. Saya syorkan apabila pemindahan hakmilik yang dibuat, satu pemeriksaan di atas pemegang-pemegang yang teliti mesti dibuat oleh peguam-peguam ataupun oleh Pemungut-pemungut Hasil Tanah, barulah suratcara itu disahkan dan selepas itu apabila suratcara pindahmilik ini dihantarkan kepada Pejabat Pengarah Hakmilik Tanah untuk didaftarkan, satu penyiasatan yang teliti lagi akan dijalankan oleh pihak Pengarah Hakmilik Tanah. Jadi sudah dua pemeriksaan yang teliti telah dijalankan, selepas itu barulah pemindahan-milik ini didaftarkan. Adakah tidak elok jika penyiasatan yang kali kedua ini dijalankan oleh mereka yang mengetahui dalam hal ini dianggapkan sebagai pemeriksaan yang dimaksudkan dalam Undang-undang Kanun Tanah Negara. Dan apabila suratcara ini didaftarkan cuma diisytiharkan iaitu publication selama 6 bulan untuk memberi peluang kepada mana-mana pihak untuk membuat bantangan, dan selepas itu boleh diisytiharkan sebagai hakmilik yang tidak boleh disangkalkan (*indefeasibility of title*).

Dengan cara ini pada fikiran saya, saya yakin dan percaya semua perkara-perkara yang dimaksudkan dalam Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) dapat diselesaikan dalam masa tempoh 12 tahun tetapi apa yang diamalkan sekarang di negeri Pulau Pinang tidak begitu. Sungguhpun pemeriksaan dua kali dengan teliti telah dijalankan, sungguhpun pemindahan hakmilik telah didaftarkan tetapi masih dikehendaki memeriksa lagi selain daripada ini. Inilah yang mengambil masa yang begitu panjang sehingga sekarang ini saya ingat lebih kurang 1/2 sahaja daripada lebih kurang 120,000 pegangan dalam negeri Pulau Pinang. Jadi, saya syorkan kepada Kementerian ini supaya menunjukkan cara-cara ini; mungkin mereka tidak tahu tetapi tunjukkanlah cara ini. Saya yakin dan percaya apabila cara yang disyorkan ini dapat diamalkan dan dijalankan oleh pihak Kerajaan

Negeri Pulau Pinang, saya ingat dalam masa dua tiga tahun lagi, insya Allah, semua pegangan-pegangan dan hakmilik-hakmilik dapat diisytiharkan sebagai hakmilik yang tidak disangkal (*indefeasibility of title*).

Lagi satu perkara yang saya ingin menyentuh dalam perkara ini iaitu apabila pegangan-pegangan ini disiasat, diperiksa dengan teliti dan didapati ada kesilapan-kesilapan yang dibuat dalam Buku Daftar dan kesilapan-kesilapan ini dilakukan dengan tidak sengaja oleh pihak-pihak Pengarah Hakmilik Tanah, maka hendaklah Pengarah ini membetulkan kesilapan-kesilapan ini sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara. Janganlah dimestikan bahawa kesilapan ini dibetulkan oleh pemegang-pemegang hakmilik dengan memerlukan perintah mahkamah dan sebagainya kerana ini memakan masa yang panjang dan akan melibatkan perbelanjaan yang banyak.

Lagi satu perkara ialah berkaitan kelambatan bukan sahaja berkait dengan kelambatan *indefeasibility of title*, tetapi juga yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekarang ialah kelambatan mengeluarkan geran-geran kepada mereka yang memegang lesen tumpangan sementara.

Kita faham bahawa perkara ini adalah rumit, mungkin memakan masa bertahun-tahun, tetapi bagaimana rumit sesuatu perkara sekalipun saya yakin dan percaya jikalau ada kejujuran bagi pihak Kerajaan Negeri perkara ini tidak akan mengambil masa dua atau tiga puluh tahun. Sekarang ini juga banyak pemegang-pemegang lesen tumpangan sementara yang telah memegang lesen ini tidak kurang daripada 25 tahun masih belum keluar geran lagi. Saya menyeru kepada Kementerian ini dengan jasa baik menasihatkan pihak berkuasa negeri iaitu Kerajaan Negeri supaya mengeluarkan geran-geran kepada mereka yang telah memegang lesen tumpangan sementara tidak kurang daripada 20 tahun dan janganlah dicari satu cara untuk melambatkan perkara ini dengan meninggikan wang premium. Kalau 20 tahun dahulu nilai tanah tersebut cuma \$100 seekar janganlah dikehendaki pemegang lesen itu membayar \$2,000-\$3,000 sebagai premium untuk mengeluarkan geran.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang ini.

4.43 ptg.

Tuan Haji Subaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, usaha dan ikhtiar untuk menyerapkan geran-geran tanah untuk dikeluarkan di bawah Kanun Tanah Negara adalah satu usaha yang baik tetapi memanglah kerja-kerja untuk hendak menyerapkan geran-geran tanah yang ada di Melaka dan Pulau Pinang itu bukan perkara yang senang bahkan perkara yang susah dan memakan masa yang panjang. Ini memang diakui. Tetapi selagi keadaan ini tidak diselesaikan maka selama itulah bahawa pemilik-pemilik geran-geran tanah yang belum lagi diserapkan di bawah National Land Code ini tidak akan senang hati mereka. Lagi cepat perkara ini diselesaikan dengan segera maka lebih baik dari segi semua pihak.

Oleh kerana perkara hendak menyerap atau menukarkan geran-geran tanah ini bukanlah satu perkara yang senang—perkara yang susah, saya memang bersetuju masa tambahan diberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka untuk mengatasi masalah itu tetapi cara kita memberikan masa ataupun tambahan masa itu hendaklah dengan ada hadnya samada kita hendak memberi mereka lima tahun atau sepuluh tahun, tiga tahun tetapi mesti ada sesuatu angka yang tetap, suatu masa yang boleh diketahui, satu masa yang certain supaya mereka yang berkenaan ini boleh menjadikan masa itu sebagai matlamatnya bila mana kerja-kerja mereka diusahakan supaya boleh selesai. Tetapi Rang Undang-undang ini tidak memberi masa bila kerja-kerja patut diselesaikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka. Apa yang kita beri kepada mereka ialah satu cheque terbuka. Suka hati berapa lama mereka hendak mengambil masa 30 tahun, 100 tahun pun boleh. Bukanlah mereka akan memakan masa yang begitu panjang, saya tidak menyatakan demikian, tetapi saya mempunyai penuh keyakinan bahawa kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berkenaan mempunyai cukup kecekapan dan mereka bertanggungjawab akan cuba berusaha menyelesaikan masalah ini dengan seberapa segera yang boleh. Tetapi saya fikir prinsipnya kurang baik amalan Dewan yang mulia ini menyerahkan kuasanya kepada suatu Dewan Negeri. Itu sahaja yang saya suka hendak membuat teguran iaitu kalau boleh biarlah dihadkan masa itu dan kalau perlu kita boleh tambah lagi masanya, kalau kita

beri lima tahun tidak cukup tambah lagi lima tahun dan sebagainya tetapi mesti datang balik ke Dewan ini untuk ditambah dan dilanjutkan masa yang diperlukan itu, tetapi tidak dengan cara ini yang mana kita kata serah sahaja bulat-bulat. Serahkan kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan berapa masa dia hendak buat untuk menyerapkan geran-geran tanah di Pulau Pinang dan di Melaka.

Saya berdiri di sini berasa sedikit sedih kerana ini menimbulkan suatu prinsip yang pokok dan yang besar dan saya sungguh-sungguh berharap dan merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, kalau boleh timbangkanlah supaya diberi masa yang terhad dan tertentu yang difikirkan mereka boleh menyelesaikan masalah ini. Sekiranya tidak diberi tambahan dari satu masa ke satu masa oleh Dewan yang mulia ini dan tidak mengikut Rang Undang-undang yang ada sekarang ini kita serah suatu cheque terbuka (blank cheque) kepada mereka untuk menentukan bila masa mereka hendak buat kerja. Itulah sahaja yang saya hendak beri pandangan.

4.47 ptg.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh dan juga Ahli Yang Berhormat dari Sepang kerana telah memberi pandangan yang begitu ikhlas dan cadangan-cadangan yang baik mengenai undang-undang ini. Pada kesimpulannya kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu menyokong Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu telah menyoalkan kebijaksanaan Kementerian ataupun Dewan ini memberikan suatu open cheque kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Melaka.

Sebenarnya, mengikut laporan yang kita dapati daripada kedua-dua negeri bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dijangka akan dapat menyiapkan pemeriksaan ini dalam masa lapan tahun, akan tetapi untuk menyelesaikan perkara ini kita telah bersetuju memberikan suatu kuasa seperti yang ada di dalam undang-undang ini. Perkara ini saya rasa adalah sangat wajar kerana perkara menukar surat ini ialah perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri itu sendiri dan kuasa melanjutkan masa itu diberikan kepada

Kerajaan Negeri itu oleh kerana masa asal seperti dalam ucapan saya tadi tidaklah mencukupi. Setakat ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanya dapat menyelesaikan 2½% daripada surat-surat yang ada di dalam surat register sementara. Saya yakin bahawa Kerajaan Negeri tidak akan menyalahgunakan kuasa yang diberikan oleh undang-undang negeri itu kepada Kerajaan kerana kita berkehendakkan bahawa perkara ini patutlah diselesaikan dengan segera. Tujuan undang-undang ini ialah untuk mengadakan satu sistem pendaftaran surat-suratmilik bagi negeri Pulau Pinang dan Melaka supaya ianya dapat diseimbangkan dengan cara-cara pendaftaran suratmilik yang diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negara.

Seperti dalam ucapan saya tadi saya telah menyatakan bahawa Jabatan Hakmilik Geran-geran Tanah Pulau Pinang dan Negeri Melaka diwujudkan dalam tahun 1966. Jadi, masa yang telah diberi kepada Kerajaan Negeri ini tidaklah mencukupi. Oleh itu, terpaksa period itu dipanjangkan untuk membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri menjalankan penyiasatan dan penyelesaian-penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya mengambil baik ucapan ataupun cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh mengenai cara-cara pemeriksaan yang teliti yang dicadangkan oleh beliau tadi dan saya akan mengambil ingatan atas cadangan-cadangan itu. Sebabnya kerumitan berlaku di negeri Pulau Pinang ataupun kelambatan pemeriksaan ini di Pulau Pinang kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkehendakkan cara-cara pemeriksaan surat-surat hakmilik itu dengan teliti dan teratur mengikut peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka), dengan bertujuan supaya tidak timbul apa-apa kesilapan ataupun masalah yang lain yang mana tindakan terpaksa diambil melalui mahkamah untuk membetulkannya di kemudian hari kelak. Itulah sebabnya penyelesaian ini mengambil masa begitu panjang. Manakala Negeri Melaka pula berpuas hati dengan cara-cara pemeriksaan hanya melalui buku-buku Pendaftaran Pindah Milik sahaja. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja serba sedikit penjelasan yang dapat saya berikan atas perkara ini.

Mengenai kelambatan mengeluarkan geran kepada Lesen Tumpangan Sementara (T.O.L.)

saya rasa satu-satu Kerajaan Negeri itu bukan sahaja Pulau Pinang bahkan banyak negeri-negeri lain juga mesti ada sebab-sebab tertentu mengapa negeri-negeri itu lambat mengeluarkan Lesen Tumpangan Sementara itu. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian ini akan menyampaikan perkara ini kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas basrat yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.54 p.m.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bagi meminda Akta Pengambilan Balik Tanah No. 34/1960 dibaca kali kedua sekarang.

Sekarang Kerajaan sedang melancarkan Rancangan Pembangunan Malaysia Ketiga. Dalam usaha menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga itu Kerajaan memerlukan beberapa kawasan tanah yang difikirkan sesuai untuk projek-projek pembangunan. Tanah-tanah itu terletak di desa-desa dan di bandar-bandar.

Ada di antara tanah-tanah yang diperlukan itu adalah tanah kepunyaan dan tanah-tanah kepunyaan ini hanya dapat diambil balik oleh

Kerajaan dengan menggunakan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Pengambilan Balik Tanah No. 34/1960.

Projek-projek pembangunan Kerajaan itu perlu segera dilancarkan dan menepati masa yang ditetapkan. Jika tidak objektif-objektif sosial, ekonomi dan politik negara akan terjejas.

Mengikut pengalaman Kerajaan-kerajaan Negeri yang menjalankan kerja-kerja pengambilan balik tanah, ada kerja-kerja pengambilan balik yang terganggu kerana Seksyen 19, Akta 34/1960. Seksyen itu hanya membenarkan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri mengeluarkan Sijil Segera untuk tanah-tanah desa ataupun tanah-tanah kepunyaan yang tidak diduduki seperti definisi Seksyen 19 (2) Akta berkenaan sahaja. Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri tidak dibenarkan mengeluarkan Sijil Segera untuk tanah-tanah yang lain daripada ini. Dengan itu adalah didapati bahawa pihak Kerajaan tidak boleh mengambil alih tanah bandar yang mengandungi bangunan, ini mungkin menghalang projek kemajuan Kerajaan bagi kawasan bandar dan bandar-bandar kecil.

Inilah satu-satunya mata rantai pentadbiran yang melambatkan proses pengambilan balik tanah. Inilah juga yang membawa akibat yang menjejaskan pelaksanaan rancangan pembangunan negara.

Pindaan ini bertujuan membatalkan untaian perkataan "any country land or unoccupied land", daripada Seksyen 19, Akta 34/1960 itu. Pembatalan untaian kata itu akan memberi kussa kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri-negeri mengeluarkan Sijil Segera untuk semua jenis tanah bermilik.

Sijil Segera adalah Borang I—dalam Akta 34/1960. Ia diluluskan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri-negeri dan ditandatangani oleh beliau sendiri. Pengeluaran Sijil Segera oleh Pengarah Tanah akan membolehkan Jabatan yang mengambil balik tanah, memasuk tanah berkenaan dan membuat kerja-kerja yang perlu di atas tanah.

Kerja-kerja yang perlu itu hanya boleh dibuat pada bahagian-bahagian yang lapang di atas tanah berkenaan itu sahaja. Kerja-kerja perlu itu tidak boleh melibatkan bangunan-bangunan kekal atau separuh kekal atau apa-apa struktur bangunan atas tanah itu.

Jika ada bangunan-bangunan di atas tanah berkenaan, Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengeluarkan Borang J. Bangunan itu hanya boleh dirobohkan selepas 60 hari Borang J dikeluarkan. Tempoh dua bulan ini diberi untuk tuan-tuan tanah menyediakan kerja-kerja yang perlu pada pihak mereka.

Sijil Segera hanya dikeluarkan selepas dua minggu daripada tarikh Borang-borang E dan F diberi kepada tuan-tuan tanah dan mereka yang berkepentingan dengan tanah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, ditegaskan sekali lagi bahawa dengan pengambilan balik tanah dengan Sijil Segera adalah diharapkan kerja-kerja pengambilan balik tanah dapat dijalankan dengan lebih cepat lagi dan dengan itu adalah diharapkan kerja-kerja pembangunan yang berkaitan akan dapat dimulakan dan disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Uodang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.00 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana demi kepentingan pembangunan negara memang perlulah tanah-tanah ataupun pengambilan tanah diperlakukan, lebih-lebih lagi apabila kerja itu memerlukan masa, maka terpaksa pengambilannya itu dilakukan dengan seberapa cepat yang mungkin. Cuma pengambilan tanah itu mestilah ada pampasannya ataupun compensation dan yang menjadi masalah sekarang apabila berlaku pengambilan tanah di kawasan-kawasan desa dan luar bandar banyak aduan-aduan yang telah timbul dan rasa keluhan di atas pampasan (compensation) yang diberi. Pemilik-pemilik barang-barang dan tanah daripada desa atau luar bandar menyatakan bahawa itu sahajalah harta-benda mereka dan nilai pampasan yang diberi untuk ganti rugi harta atau tanah yang telah diambil-alih itu tidak sejajar dan selaras dengan keadaan yang ada mengikut harga-harga pasaran. Jadi, dengan ini saya sungguh-sungguh berharap pihak Badan Nilai dapat lebih bersimpati sedikit dan mengguna-

kan asas-asas dan faktur-faktur yang boleh menolong sedikit kepada pemilik-pemilik tanah dan harta-benda, terutama sekali mereka yang berada di luar bandar ini sekurang-kurangnya puaslah hati mereka sungguhpun tanah atau harta mereka sudah kena ambil. Dengan cara ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kesusahan mereka itu dengan wang pampasan yang diberi dengan agak menggalakkan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah masa pembayaran pampasan (compensation) itu, kadangkala sebagaimana yang kita faham prosesnya memanglah bureaucratic sedikit, banyak lapisan-lapisan dan banyak kerja-kerja yang mesti hendak dilakukan seperti menilai, Pejabat Daerah terpaksa membuat kerja-kerjanya dan ini semuanya memakan masa. Tetapi dari segi orang luar bandar yang mana tanahnya telah diambil ia perlukan wang pampasan itu dan kalau boleh dibayar dengan jangka masa yang agak deras sedikit oleh kerana desakan keadaan. Sungguhpun saya faham dan setar bahawa proses pengambilan tanah ini memerlukan masa tetapi saya merayu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat mengkaji supaya wang pampasan itu dapat diberi dengan seberapa cepat yang mungkin. Kalau kita ada Certificate of Urgency untuk pengambilan tanah, kita juga harus cuba mengadakan Certificate of Urgency memberikan wang compensation iaitu seberapa cepat, kita ambil tanah dia seberapa cepat kita beri wang compensation ataupun gantirugi itu kepada mereka. Itu akan mengurangkan kesusahan mereka dan kadangkala tanah yang telah diambil itu, itu sahajalah hakmilik orang yang terpaksa tanahnya diambil. Jadi, timbulah masalaah sosial, ke mana dia hendak pergi, ke mana dia hendak bekerja dan bagaimana mata pencariannya dan sebagainya. Di dalam hal yang demikian, mereka yang seperti itu tidak sangat memerlukan gantirugi atau pampasan wang ringgit, yang dia perlu sangat ialah tanah kerana dia boleh jadi pak tani, dia hidup di atas tanah dan tanah itu telah diambil oleh kerana kepentingan negara, itu tidak boleh dielakkan dan terpaksa dibuat.

Saya harap di dalam kes-kes atau perkara yang semacam itu kalau boleh janganlah kita beri gantirugi wang kerana dia tidak tahu apa hendak dibuat dengan wang itu. Mungkin kita beri dia wang dalam masa setahun atau

enam bulan, wang itu habis dibelanjanya dengan cara-cara yang kurang memberi faedah kepadanya.

Di dalam hal yang demikian, saya suka hendak merayu kalau boleh ditimbang iaitu diberikan tanah juga. Mungkin bukan di situ tetapi di tempat lain—tidak mengapa. Kalau dia terpaksa berpindah juga tidak mengapa sekurang-kurangnya dia hilang tanah punca pencariannya diberi tanah juga dan dia dapat bercucuk tanam, di samping itu berilah sedikit wang gantirugi untuk menunggu hasil-masyhol yang akan keluar daripada tanah yang diberi oleh Kerajaan itu. Ini akan mengurangkan beban mereka.

Dari segi hendak mengambil-alih tanah ini hendaklah pihak-pihak yang berkenaan menggunakan diplomasi kerana orang-orang di luar bandar ini bukannya tidak setuju tanah mereka itu diambil, tetapi mereka faham kepentingan pembangunan negara. Sungguhpun mereka sedih tanah mereka telah diambil tetapi mereka faham betapa pentingnya tanah-tanah atau harta-benda mereka itu terpaksa diambil. Tetapi cara kita mengambil tanahnya itu pegawai-pegawai yang berkenaan biarlah lebih menggunakan diplomasi, hubungan yang begitu baik supaya mengurangkan segala keluhan yang timbul daripada pengambilan harta-benda pemilik itu, kerana ini timbul masalaah keselamatan negara. Saya telah difahamkan bahawa inilah satu-satu issue yang mana pihak subversif telah menggunakan dan memburuk-burukkan Kerajaan kita. Mereka ini yang mana tanahnya telah diambil untuk digunakan membuat jalanraya dan sebagainya, kepada mereka inilah pihak-pihak subversif menghasut dan mencucuk mereka supaya benci kepada Kerajaan menyatakan bahawa Kerajaan tidak adil. Mengapa Kerajaan mengambil tanah mereka, mereka ini adalah orang yang marhin, orang yang susah dan ini sahajalah tanah yang ada pada mereka. Itupun Kerajaan hendak ambil, ini adalah satu Kerajaan yang zalim. Memang dakyah-dakyah semacam ini pernah dan sedang dilakukan oleh pihak subversif. Oleh kerana demikianlah, soal pengambilan tanah ini mesti dijalankan dengan penuh berhati-hati sungguhpun pengambilan tanah dan pengambilan harta-benda ini perlu demi kepentingan negara, tetapi hendaklah dilaksanakan dengan penuh cermat supaya mereka yang terkena tanahnya diambil ini tidak menjadi sasaran kepada pihak-pihak yang kurang

bertanggungjawab. Sudah tentu mereka menjadi sasaran tetapi apa yang kita harapkan ialah mereka ini tidak terpengaruh dengan sasaran ataupun dakyah-dakyah pihak yang kurang bertanggungjawab dengan tujuannya hendak memburuk-burukkan Kerajaan dan hendak memutuskan hubungan yang baik dan rapat di antara Kerajaan dengan rakyat. Perkara ini amat sensitive dan penting sekali. Saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan lebih sedar dan memahami daripada saya dengan keadaan ini, tetapi kesedaran sahaja pun kurang memadai, yang perlu tindakan-tindakan tegas supaya rancangan-rancangan yang tertentu dapat diatur dan disediakan supaya masalah ini tidak timbul lagi.

Saya suka hendak menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa masalah ini terdapat sekarang ini, keluhan dan tidak puas hati rakyat dari segi tanah mereka kena ambil, memang menjadi masalah dan belum lagi dapat diatasi.

Sekarang banyak rakyat kita yang terkena di atas perkara ini dan mereka merasa mereka telah teraniaya atau terkena. Jadi, inilah saya berharap bahawa bukan sahaja Kementerian yang berkenaan malah Kementerian-kementerian yang lain pun haruslah disertakan di dalam gerakan pengambilan tanah ini. Mungkin Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pun patut disertakan di dalam kes-kes pengambilan tanah juga Kementerian Penerangan, lebih-lebih lagi di dalam keadaan yang mana banyak pengambilan tanah itu dilakukan. Katakanlah kita hendak mengambil beberapa ekar tanah untuk menubuhkan sebuah universiti yang mana kita terpaksa mengambil-alih banyak tanah dan ramai mereka yang akan terkena atau terkait dalam hal ini, maka inilah kes-kesnya yang mana terpaksa kita approach hal ehwal pengambilan tanah ini dengan cermat. Mestilah ada satu planning atau ada satu program yang tertentu iaitu pengambilan tanah itu dilakukan secara satu projek dan kita tidak masukkan begitu sahaja, ambil tanah mereka dan ini akan menimbulkan sosial problem. Dan kalau ini berlaku maka tujuan pembangunan negara tidak tercapai. Pada hal kita hendak membangunkan negara untuk hendak menolong rakyat. Kita hendak membangunkan negara ini bukan untuk pembangunan semata-mata. Pembangunan itu adalah dituju (address) kepada rakyat jelata. Dan sekiranya niat kita yang baik dan usaha

kita yang baik itu hasilnya menimbulkan suatu problem dan masalah sosial, maka pada pendapat saya pembangunan yang kita lakukan itu sesia sahaja dan tidak mencapai tujuan dan faedah. Dan di sinilah rasa saya di dalam kita melakukan pembangunan terpaksa kita mengambil tahu membuat itu dan ini hendaklah kita berhati-hati dan hendak kita berjaga-jaga supaya matlamat pembangunan negara untuk kebahagiaan rakyat boleh dicapai dan bukan sebaliknya kita menyusahkan rakyat, memahitkan lagi kehidupannya merumitkan lagi masalahnya, kalau itu berlaku maka tujuan pembangunan negara tidaklah berhasil dan apa yang hendak kita capai itu tidak tercapai sebenarnya.

Saya sungguh-sungguh berharap dan merayu kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan kerana perkara ini perkara yang current atau masalah yang ada sekarang, saya percaya dengan penuh kebijaksanaan dan pengalamannya perkara ini akan dapat diatasi dengan seberapa yang boleh.

5.12 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) ini. Di dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya memberikan pandangan iaitu kita semua sedia maklum di dalam Fasal 4 mengatakan: Pindaan-pindaan yang dibuat oleh Akta ini hendaklah dipakai bagi Wilayah Persekutuan dan juga bagi Negeri-negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini apabila Kerajaan hendak melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga, banyak melibatkan pembangunan dan juga membuat jalanraya. Jadi apabila hendak mengadakan jalanraya atau hendak membesarkan jalanraya tentulah melibatkan pengambilan tanah dan perkara ini berlaku di dalam kawasan saya sendiri iaitu di kawasan Setapak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Wilayah Persekutuan ini kawasan tanah yang dimiliki oleh orang Melayu amatlah terhad. Jadi apabila satu-satu rancangan yang hendak dijalankan oleh pihak Kerajaan mengambil sebahagian besar tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu di dalam Kuala Lumpur ini sudah semestilah menimbulkan satu pandangan yang tidak sihat. Jadi, selaku Wakil Rakyat apabila pengaduan-pengaduan yang

datang terpaksa menjalankan siasatan. Setelah penyiasatan dibuat tanah yang besar terlibat berlaku di Kuala Lumpur ini ialah pembinaan lebuhraya Kuala Lumpur—Karak yang mana melibatkan 45 ekar tanah kawasan Orang Melayu yang dimiliki sejak berpuluh-puluh malah beratus-ratus tahun dahulu terpaksa diambil. Apabila disiasat dengan lebih mendalam lagi, Tuan Yang di-Pertua, rancangan pembinaan ini adalah diusahakan oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dengan kerjasama perunding dari luar negeri. Di sinilah saya meminta perhatian kepada pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan iaitu apabila perunding dari luar negeri mengadakan rancangan bagi pihak Kerajaan kita mereka sewaktu menjalankan penyiasatan ini tidak mengambil tahu atau tidak pernah menjemput wakil-wakil tempatan menduduki dalam Jawatankuasa-jawatankuasa Perunding ataupun penyiasatan mereka. Ini disahkan oleh seorang pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian Tanah itu sendiri, iaitu kata mereka arahan ini datangnya daripada atas, setelah dipersetujui turun ke bawah, kami ini menjalankan tugas. Jadi apabila didesak oleh orang ramai pegawai inilah yang terpaksa menghadapi tetapi pegawai ini tidak mempunyai sebarang kuasa. Inilah yang berlaku. Ini adalah kena-mengena dengan rancangan ataupun daripada Kementerian Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Di sinilah, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan seolah-olah Kementerian yang berkenaan tidak ada penyelarasan dengan Kementerian Kemajuan Tanah sejak daripada awal-awal lagi. Maknanya tidak mengetahui latar belakang ataupun akibat-akibat yang boleh timbul. Boleh jadi Kementerian yang berkenaan seperti Kementerian Kerjaya apabila menggalakkan perunding-perunding luar negeri menjalankan kerja-kerja penyiasatan ini ialah semata-mata hendak menyelamatkan wang negara. Bagaimana hendak memendekkan jalan ini supaya perbelanjaan pembinaan Lebuhraya ini kurang memakan wang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini walaupun Dewan pada hari ini akan meluluskan Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan) hendaklah juga difikirkan sekiranya sesuatu projek itu kalau ada satu cara atau yang lain yang boleh mengelakkan tanah-tanah tempat tinggal yang telah menjadi harta pesaka datuk-nenek-moyang mereka di dalam Bandaraya ini, dan tambahan pula tanah orang Melayu di dalam

Bandaraya ini sangat berkurangan, saya berharap pihak Kementerian memikirkan mengalihkan perjalanan projek itu walaupun Kerajaan pusat terpaksa membelanjakan lebih lagi. Saya sokong seperti apa yang disebut oleh sahabat saya dari Sepang itu iaitu kita tidak mahu Kerajaan kita dituduh merampas tanah-tanah orang miskin. Mereka hendak mendapat tanah daripada Kerajaan amat susah, tanah yang ada yang dipusakai oleh mereka daripada datuk-nenek-moyang mereka diambil pula oleh pihak Kerajaan.

Saya bercakap ini ada berkenaan dengan Lebuhraya Kuala Lumpur—Karak iaitu yang mana tanah-tanah yang hendak diambil di pekan Setapak. Walhal apabila saya tengok pelan rangka rajah Lebuhraya Kuala Lumpur—Karak ini boleh diubahahkan melalui satu kawasan bekas lombong. Mengapa kawasan bekas lombong ini tidak digunakan. Kenapa pula terpaksa melalui tanah-tanah kampung orang Melayu di belakang mesjid di Setapak itu. Kenapa tidak boleh dialihkan. Adakah sesuatu tujuan tertentu takut hendak mengambil tanah bekas lombong itu ataupun adakah tanah bekas lombong itu sudah diberikan kepada sesiapa yang tertentu?

Jadi, inilah dia, Tuan Yang di-Pertua, rakyat terutama sekali penduduk-penduduk di dalam Kuala Lumpur ini bukannya bodoh. Mereka semuanya sudah buka mata dan mereka ini telah insaf, sebab pemimpin-pemimpin kita juga yang telah menyedarkan mereka iaitu orang Melayu tidak mempunyai harta di dalam Bandaraya. Di mana-mana sekarang ini kita telah mengakui. Sekarang ini rakyat sudah sedar. Tetapi harta-harta mereka belum sempat dibangunkan sudah hendak diambil balik. Inilah saya berharap sangatlah supaya hendak mengelakkan jangan berlaku lagi pada masa akan datang sebarang perancangan yang hendak dibuat oleh pihak Kerajaan walaupun rundingan dengan pakar-pakar perunding daripada luar negeri dan dalam negeri; janganlah terlupa mengambil seorang wakil daripada wakil tempatan dimasukkan supaya rancangan-rancangan ini apabila sudah diluluskan dapat berjalan dengan licin supaya tidak berlaku sekatan-sekatan apabila rancangan-rancangan ini dimulakan ataupun boleh melambatkan siangnya. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini telahpun berlaku dan pada hari ini saya percaya undang-undang ini diluluskan yang penting sekali ialah semata-mata apa yang berlaku dalam kawasan saya kerana masaalah

Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak. Pada hari ini rancangan ini tidak bergerak. Dan ini melibatkan wang negara. Kuasa-kuasa itu tidak ada maka itulah sebabnya dibuat pindaan ini.

Tetapi dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meluluskan Rang Undang-undang ini hendaklah kita fikirkan pula akibat yang berbangkit di dalam perkara ini. Dan saya berharap sangat kalau boleh mendapat jaminan pada hari ini daripada Timbalan Menteri berkenaan iaitu undang-undang ini tidak bertujuan kerana merampas tanah di dalam kawasan Setapak.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu walaupun pihak Kerajaan akan mengadakan pampasan, ganti rugi dan sebagainya tetapi orang-orang yang tinggal di Kuala Lumpur sekarang ini, ada mata pencarian yang baik; ada kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang, mereka tidak hendak lagi duit pampasan atau ganti rugi ini, mereka tidak mahu tanah mereka itu diusik. Itu sahaja. Berapa banyak duit diberi pun sudah tidak lagi menjadi harga kepada mereka dan mereka menerangkan kepada saya sendiri. Kalau tanah Kerajaan itu hendak diambil, pokok pun hendaklah dibayar. Dan mereka pula tidak mahu keluar daripada kawasan Setapak juga. Kalau hendak dipindahkan kena cari dalam kawasan lain dalam kawasan itu juga. Kerana mereka duduk dan hidup berkampung dan kalau dipindahkan mereka ke tempat lain sudah tentu melibatkan kesusahan terutama mata pencarian, sekolah anak-anak dan sebagainya malah memecah-belahkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa Kerajaan kita hendak melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga ini hendaklah juga kita waspada, seperti yang diterangkan dan dinyatakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi nanti ada orang mengambil kesempatan dan akan menambah mengusutkan lagi keadaan.

Saya menyokong Akta ini dengan beberapa perhatian yang serious diberikan kepada Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan.

5.20 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

yang berkenaan. Saya berharap dengan pindaan Rang Undang-undang ini akan menghapuskan apa yang telah berlaku sekarang muga-muga tidak akan berlaku lagi. Saya yakin salah satu sebab yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah benar. Kita tidak dapat membuat satu-satu rancangan dengan cergas kalau tiap-tiap satu rancangan itu tidak bertanah. Kita tidak boleh nafikan kita tidak dapat buat di atas tanah kalau tanah yang berkenaan kita tidak dapat mengambilnya dengan segeranya, maka Rang Undang-undang ini amatlah perlu.

Di samping itu, tanah ini amat perlu, tiap-tiap manusia duduk di atas tanah, bangunannya di atas tanah dan segala-galanya di atas tanah dan asal kita ini daripada tanah, maka tanah satu perkara yang amat penting, Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan sebab itu tanah ini baik keluarga dengan keluarga atau Kerajaan akan mengambil tanah, banyak orang yang sanggup mati, sanggup bawa parang supaya jangan tanah mereka itu diambil oleh Kerajaan. Perkara yang saya sebutkan ini, telah berlaku di kawasan saya baharu-baharu ini kerana Kerajaan terpaksa mengambil tanah untuk membuat satu rancangan letrik dan sebagainya. Saya berharap janganlah perkara ini berlaku lagi. Yang amat menyedihkan saya sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan Ahli Yang Berhormat dari Setapak itu amat munasabah iaitu Kerajaan hendaklah mengambil tanah janganlah memandang kepada kulit. Saya tidak salahkan Kerajaan Negeri sebagai Menteri Besar dan Ahli Exco kerana saya tahu sebagaimana kata Yang Berhormat wakil dari Setapak tadi bukan Menteri Besar sebagai Ketua Kerajaan Negeri dan Ahli Exconya akan menunjukkan tanah yang mana dan di tempat mana dibuat bangunan, tetapi Pegawai-pegawai Perancang sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Setapak tadi, pegawai inilah yang akan menunjukkan tempat kemudian, baharulah diserahkan kepada Pejabat Tanah dan Pejabat Tanah akan membuat satu—saya pun tidak tahu hendak sebutkan perkataan itu untuk mengambil tanah yang berkenaan. Tetapi yang menunjukkan tempat itu ialah orang daripada Pejabat Tanah sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Setapak tadi. Tetapi yang menyedihkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya biasa dengar baharu-baharu ini yang menjadi Wakil

Rakyat ini, kejadian tidak adil satu tempat yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membuat satu projek tak boleh diubah. Sebelum itu saya dengar berita ada satu tempat lain akan diambil tetapi boleh diubah, disebabkan manusia tadi adalah manusia yang siongnya tajam dan keadaannya lain daripada kawan tadi. Bila saya siasat, adakah betul si Abu ini menyatakan yang tanahnya akan diambil dan ada tanah orang lain tidak diambil walhal boleh diubah ke tempat lain. Saya tanya orang yang berkenaan sebagaimana kata Wakil dari Setapak tadi patut dipanggil berunding. Dalam Pejabat Menteri Besar saya dan beberapa orang Wakil Rakyat kena caci. Bila disiasat apa yang telah dikatakan itu amat benar. Maka dengan sebab itu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan saya berharap sangat kalaulah kita dapat sesuatu tempat itu sesuai janganlah kita pilih bulu kalau hendak kena kepada yang miskin apakan daya kerana projek pembangunan itu adalah mustahak kepada negara.

Yang kedua ialah pampasan. Saya sangat bersetuju sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Sepang tadi tetapi yang menyedihkan saya, kita beri pampasan kerana dua tiga syarat, yang pertama kita beri kepada tanah yang bergeran. Yang kedua, kita beri tanah yang ada bangunan di atas tanah itu ataupun pokok-pokok yang ada di atas tanah itu bergeran. Itu setakat yang saya tahu, tetapi kalau bangunan tidak bergeran pun boleh diberi. Yang sedihnya, geran telah diminta bertalu-talu, tetapi Pejabat Tanah sendiri seperti Yang Berhormat Menteri menjawab tidak cukup kakitangan. Bila Kerajaan terpaksa mengambil tanah penduduk kampung, saya biasa menghadapi perkara semacam ini, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pernah menghadapi, pada mulanya kebanyakan menentang Kerajaan tetapi bila mereka dapat pampasan yang berpatutan apatah lagi dapat jalan yang cantik, akhirnya mereka ini memuji Kerajaan. Ada di antara mereka yang tidak mendapat pampasan sedangkan tanahnya lebih baik daripada tanah yang mendapat pampasan disebabkan tidak ada geran, mereka akan teraniaya, bukan sebab mereka tidak mahu minta geran tetapi kerana geran diminta bertalu-talu tetapi tidak dapat. Maka dengan sebab itu, saya marayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan jika boleh diadakan satu

Rang Undang-undang ataupun satu ceraihan iaitu walaupun tanah itu tidak bergeran tetapi berilah sugu hati kadar berpatutan supaya janganlah mereka yang duduk begitu lama, tanam begitu banyak pokok buah-buahan disuruh tebas dengan percuma.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan muga-muga apa yang telah berlaku pada hari ini tidak akan berlaku lagi dan pengambilan tanah sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya sokong dengan syarat sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Setapak tadi apa yang telah berlaku tidak akan berlaku lagi.

5.29 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga berminat untuk memberi sepatah dua kata dan pandangan saya dalam menyokong Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 2), 1976 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Sokongan saya ini adalah berdasarkan tujuan Kerajaan untuk menyegerakan pembangunan membuat berbagai-bagai bangunan untuk tujuan dan kebajikan rakyat juga. Dalam hubungan ini apa yang saya hendak bawa perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ialah pada 15 atau 20 tahun yang silam pengambilan tanah oleh Kerajaan hanya terhad kepada kegunaan awam. Misalnya, untuk membuat jalanraya, membuat sekolah, hospital, lapangan terbang dan sebagainya tetapi akhir-akhir ini apabila negara kita berkehendakkan lebih banyak industri-industri, kilang-kilang dan lain-lain projek commercial, maka istilah pengambilan tanah ini tidak sahaja terhad kepada kegunaan awam tetapi adalah untuk kegunaan industri (commercial).

Dalam hubungan ini tanah rakyat yang diambil ini kebanyakannya tanah rakyat di luar bandar. Ini berlaku di kawasan saya sendiri. Saudara saya 4-5 orang tadi bercakap berlaku di kawasannya, di kawasan saya juga terlibat dengan pengambilan tanah yang paling banyak, melibatkan kawasan luar bandar. Apa yang pemegang tanah tuannya-tuannya tanah ini merasa tidak puas hati ialah tanah yang diambil itu satu ekar \$7,000 tetapi setelah direzone kawasan itu kawasan industri

harga tanahnya satu kaki \$2 dan kalau kita nilai pada satu ekar, satu kaki lebih kurang 43,000 kaki persegi, dharab \$2—\$86,000. Tuan punya tanah hanya dapat \$7,000 berbanding dengan \$86,000 yang akan didapati oleh Kerajaan. Kalau Kerajaan dapat tidak apa tetapi tanah ini akan diberi kepada pemodal-pemodal, kepada pengilang-pengilang dan pengilang itu sudahlah dapat tanah yang baik, dapat membuat keuntungan yang banyak, diberi pula taraf perintis percuma selama 5 tahun tidak dikenakan cukai. Inilah yang membangkitkan perasaan tidak puas hati dan orang-orang kampung yang tanahnya diambil itu dapat melihat sahaja pembangunan yang dibuat. Sepertimana kata pepatah Melayu: 10 jong masuk, anjing bercawat ekor juga. Kita tengok sahaja pembangunan berjalan, orang angkat segala harta kekayaan kita tetapi kita hanya dapat \$7,000 satu ekar, itupun kalau geran tanah itu tanahnya sendiri, namanya sendiri. Di Pulau Pinang tuan-tuan sudah dengar tadi, Menteri yang berkenaan menyatakan ada 200,000 kes geran-geran tanah ini belum berpindah kepada pemilik yang ada sekarang, masih nama datuk-nenek lagi. Sampai matilah orang yang mewarisi tanah itu tidak akan merasa apa-apa, \$7,000 tidak dapat, terpaksa kena tunggu hingga selesai pindah milik tanah itu dibuat. Bila hendak selesai? Kita sudah luluskan tadi tidak diberi had, terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil masa menyelesaikan masalah-masalah ini.

Dalam hubungan ini, apa yang sangat menyedihkan lagi ialah apabila tanah itu diambil dengan segera duitnya tidak dibayar. Saya ada dua tiga kes tuan punya-tuan punya tanah mengadu kepada saya tanah itu sudah diambil oleh Kerajaan 1½ tahun tetapi ganti-ruginya tidak dibayar sehingga hari ini. Kalau Menteri yang berkenaan berkehendakan buktinya saya boleh berikan. Apabila saya berjumpa dengan pihak yang berkenaan iaitu Penang Development Corporation (P.D.C.), dia kata tidak ada duit, kita baru sedang berkira-kira hendak meminjam kepada bank. Ya Allah, Tuhan sahaja yang tahu jawapan yang saya terima itu. Kalau jawapan ini saya bawa kepada tuan punya-tuan punya tanah bagaimana keadaannya, bagaimana perkara akan timbul, bagaimana tuduhan-tuduhan liar akan timbul. Tanah yang diambil itu belum dibuat apa-apa lagi sampai hari ini, sudah diambil 1½ tahun tetapi duitnya belum dibayar sehingga hari ini. Saya ber-

setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi mengatakan kalau kita boleh buat undang-undang menyegerakan pengambilan, maka kita mestilah boleh membuat undang-undang menyegerakan pembayaran, saya sokong 100%. Kalau tidak ada duit janganlah ambil tanah, menyakitkan hati tuan punya-tuan punya tanah yang hanya ada tanah sekanglah kera itulah. Bila diambil tanah itu maka habislah, tidak ada yang lain. Di negeri Pulau Pinang tidak ada tanah lagi untuk diberi kepada rakyat.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir patut saya cakapkan dalam Dewan ini ialah mengenai bantahan apabila tanah kita hendak ambil dan kita tidak bersetuju dengan harga yang ditawarkan oleh Kerajaan bahawa, tuan punya tanah itu boleh buat bantahan dalam tempoh 60 hari dan kena mengisi Borang "J". Orang kampung tidak tahu apa Borang "J", dia tidak tahu tempoh yang diberi untuk membuat bantahan. Selalunya apabila tanah itu sudah diambil 3 bulan barulah orang kampung tahu apabila Jurukur masuk hendak buat pelan itu, pelan ini, baru orang kampung tahu bahawa tanah mereka akan diambil. Ini masalaahnya. Dalam perkara ini berlaku yang saya fikir tidak adil. Dari segi mana, Tuan Yang di-Pertua? Dari segi bila kita hendak buat bantahan hendak bawa perkara ini kepada mahkamah kita kena depositkan wang kita \$1,000. Ini peraturan yang berlaku di negeri Pulau Pinang. Tanah itu ada setengah ekar, yang punya tanah itu 70 orang. Kita hendak mengeluarkan \$1,000 sebagai deposit untuk hendak menyatakan bantahan di mana hendak ambil. Ini masalaahnya. Bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini. Saya harap Menteri yang berkenaan tolong timbangkan kepada orang-orang miskin yang mempunyai itulah hanya tanah yang saya katakan tadi dan jika pihak tuan punya tanah ini tidak mampu untuk hendak mengadakan wang deposit \$1,000, hendak bawa perkara ini dalam mahkamah, maka dia terpaksa mengikut sahaja apa harga atau tawaran yang ditawarkan oleh Kerajaan. Sebaliknya, kes yang saya cakapkan ini berlaku di tempat saya, tanah itu bersempadan. Sebidang tanah itu dipunyai oleh orang-orang miskin dan sebidang tanah lagi yang bersempadan dipunyai oleh pemaju perumahan. Bila Kerajaan ambil tanah itu kedua-dua pihak ini terlibat. Pemaju perumahan bawa bantahan ke mahkamah dan dia dapat harga yang sangat lumayan, berkali

ganda daripada orang miskin. Dalam hubungan ini di manakah keadilan? Jadi keluarlah tuduhan-tuduhan: Tengok Kerajaan, tanah kita yang bersedapadan dengan tanah orang kaya itu, orang kaya dapat harga lebih, orang miskin dapat harga kurang. Tidak bolehkah kita buat satu peraturan supaya jangan kita kenakan wang deposit \$1,000 bila hendak menyatakan bantahan. Duit \$1,000 ini kita potong setelah pembayaran ganti rugi itu dibuat. Saya fikir ini boleh kita jalankan dengan tujuan untuk menolong orang-orang yang miskin, yang punya tanah yang kecil dan yang tidak mampu mengadakan deposit sehingga \$1,000.

Satu perkara lagi patut juga dalam perkara ini minta perhatian daripada Kementerian Undang-undang, kalau kita boleh beri bantuan guaman, inilah patut kita golong sebab wang yang akan dapat itu tidak seberapa banyak. Kalau diberi kepada peguam, kepada orang tengah dan sebagainya lagi dibahagi-bahagi barangkali yang 70 orang ini dapat seorang \$50 tanah yang diambil oleh Kerajaan itu.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Satu perkara lagi, ialah mengenai tanah rizab di Pulau Pinang dan di Melaka tidak ada tanah rizab Melayu dan bila kita luluskan Undang-undang ini, Kerajaan boleh ambil tanah apa juga. Ini bererti apabila pembangunan hendak dibuat, pembangunan akan dijalankan, diraneangkan di negeri Pulau Pinang, dirancang di kawasan-kawasan luar bandar sebab kawasan bandar sudah sesak, sudah penuh dengan rumah-rumah kedai dan kalau diambil kawasan bandar kita terpaksa mengeluarkan ganti rugi yang banyak. Rumah batu, kawasan perniagaan, kedai-kedai, gedung-gedung dan bank-bank, ini melibatkan pembayaran ganti rugi yang banyak. Atas alasan hendak mengelakkan bayaran ganti rugi yang banyak diambil di kawasan luar bandar, terkenal kawasan orang-orang Melayu yang malang tadi dan di sepanjang yang saya tahu tanah yang dipunyai oleh orang-orang Melayu di Negeri Pulau Pinang tidak lebih daripada 15% sahaja dan tanah inilah yang akan dibangunkan bandar baru. Tanah kita dibayar \$7,000, dibuat bandar baru. Siapa yang akan duduk di dalam bandar baru, Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya dan saya kumpulkan orang-orang di kawasan saya, mari kita berniaga di kawasan bandar baru ini kerana

Kerajaan hendak memberi peluang kepada orang-orang Melayu berniaga. Maka sebab itulah Kerajaan membuat bandar-bandar di kawasan luar bandar.

Sebelum itu saya sudah siasat tanyakan bakal tapak kedai yang hendak dibuat. Berapa harga kedai yang pihak Kerajaan cadang hendak jual. Tanya satu kedai terrace dua tingkat berharga \$86,000. Baru harga kedai, belum dikira lagi harga modal yang kita hendak berniaga. Ini masalaahnya. Sampai bila orang-orang kita boleh berkecimpung, boleh memasuki lapangan perniagaan yang kita cadangkan 30% untuk bumiputra memasukkannya. Dalam hubungan ini saya suka mencadangkan kiranya boleh kita buat peraturan supaya tanah-tanah orang miskin yang diambil yang dijadikan kawasan Free Trade Zone area (F.T.Z.) itu kita nilai ikut harga pasaran yang akan dijual, misalnya satu kaki \$2, ertinya harganya \$86,000 dan \$86,000 ini kita jadikan modal kepada tuan tanah ini, jadikan sebagai satu usaha sama dengan pemaju-pemaju yang akan memasukkannya. Ini sahaja jalan yang ada. Saya fikir perkara ini boleh dibuat dan kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengemukakan undang-undang itu saya yang mula-mula sekali akan menyokong penuh undang-undang yang serupa itu. Saya fikir tidak ada jalan lain. Hanya tanah sahaja yang masih tinggal lagi yang ada modal kepada orang-orang miskin tadi. Sekiranya tanah-tanah itu diambil untuk dibuat bandar-bandar baru, berilah peluang kepada tuan-tuan punya tanah ini mempunyai sekurang-kurangnya satu lot tapak kedai kepada orang-orang yang berkenaan. Kalau mereka tidak mampu hendak berniaga, berilah peluang supaya mereka boleh inenyewa. Ertinya mereka dapat income juga daripada tempat ataupun tapak yang dipunyainya tadi. Saya fikir ini satu perkara yang boleh dibuat dan boleh diatasi, kalau betul-betul Kerajaan jujur untuk menolong orang-orang yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah keluhan orang-orang luar bandar yang tidak mempunyai banyak tanah yang dipesakai oleh datuk-neneknya, berilah peluang mereka menyertai pembangunan yang akan dibuat oleh Kerajaan dengan memberi peluang seperti yang saya cadangkan tadi. Kalaulah perkara ini tidak boleh ditimbangkan, saya fikir orang-orang kita bukan sahaja tidak dapat menyertai pembangunan-pembangunan yang akan dibuat tetapi mereka yang ada di Pulau

Pinang akan hanyut masuk ke laut dihanyutkan oleh arus Lautan Hindi, tidak ada tempat lagi untuk mereka hendak berniaga. Saya harap segala cadangan, pandangan atau saranan yang saya kemukakan tadi dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Sekian dan akhirnya saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

5.45 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bagi pengambilan tanah.

Di samping turut menyokong, saya ingin menyatakan bahawa apa yang disebutkan oleh sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya, suka-lah saya mencadangkan kepada mereka yang telah diambil tanahnya bagi sesuatu projek pembangunan terutama sekali di luar bandar, mereka yang terlibat hendaklah diikhtiarkan supaya mendapat satu kawasan baru membolehkan mereka ini berusaha di tanah yang baru ataupun dibawa sahaja mereka ke mana-mana rancangan FELDA yang ada di negara kita kerana biasanya apa yang kita tahu ada di antara tanah-tanah mereka yang terlibat itu habis semua sekali. Pendek kata pernah terjadi di satu rancangan di kawasan saya yakni pengambilan tanah untuk mendalamkan dan melibarkan sungai bagi mengeringkan kawasan tanah di sebelah ulunya. Sekurangnya lahan keluarga yang terlibat, keseluruhan bahagian tanah itu habis semua sekali. Di manakah mereka ini hendak ditempatkan. Mereka ini telah begitu bersimpati dengan rancangan untuk memajukan kawasan yang baru. Saya suka-lah menyatakan jika ada rancangan-rancangan yang dibuat pada masa-masa yang akan datang ini tentukan mereka ini di mana hendak ditempatkan, barulah tanah-tanah mereka ini diambil.

Tuan Yang di-Pertua, di sini suka-lah saya menyatakan apa yang disebutkan oleh wakil dari Setapak dan Sepang tadi memang berlaku di kawasan saya ataupun kawasan yang berhampiran dengan saya iaitu sekeping tanah seluas 65 ekar telah dibeli dan diambil alih oleh pihak Kerajaan bagi mendirikan sebuah hospital baru, tetapi malangnya oleh kerana barangkali pegawai perancangan tidak pergi

ke tempat itu ataupun pegawai-pegawai yang terlibat tidak pergi ke tempat itu maka di kawasan atau di tapak ini ada bangunan-bangunan dan manusia-manusia yang duduk di kawasan itu seramai 45 keluarga. Bila diambil sahaja tanah ini sedangkan mereka ialah buruh ke manakah mereka ini akan ditempatkan. Saya rasa tentulah pihak yang berkenaan dapat memikirkan tempat kedia-man yang begitu baik kita terpaksa keluarkan, sedangkan haiwan ataupun burung sekalipun kalau ada anak-anak nakal yang mengambil sarangnya, tentu ibunya seboleh-boleah hendak melawan juga. Demikianlah juga kita manusia ini. Tetapi yang anihnya kalau orang Melayu ini senang, kalau diberi: ambillah, dan kalau pindah ke hujung kampung pun pindahlah kerana sesuatu projek itu untuk kebaikan sesuatu tempat. Memang pernah perkara ini berlaku. Saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa yang akan datang.

Selain dari itu biasanya tanah-tanah yang diambil-alih oleh pihak Kerajaan untuk sesuatu projek sebahagiannya itu bukan diambil keseluruhannya, tetapi pemilik-pemilik tanah ini masih lagi membayar hasilnya dengan harga yang lama. Pada pandangan saya kalau tanah itu sudah diambil tentulah hasilnya dikurangkan tetapi mengapa pula pada gerannya masih lagi ditandakan di kawasan yang mempunyai rancangan. Saya rasa perkara ini masih berlaku, patut diambil tindakan segera supaya biarlah semasa mereka ini masih hidup boleh menyelesaikan masalah ini supaya tidak menjadi masalah pula kepada anak cucu mereka di masa-masa yang akan datang kerana pertukaran ataupun pemotongan hasil ini dapat dibuat dengan secara yang sebaik-baiknya tidak seperti yang telah berlaku sekarang.

Akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih.

5.50 ptg.

Dr Sulalman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyatakan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang ini, dengan menyatakan betapa sukacitanya saya mendengar pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sepang mengenai cara-cara yang patut dijalankan oleh pegawai-pegawai dalam usaha mereka mengambil tanah dengan menggunakan segala

diplomasi supaya dapat mengurangkan kelohan daripada rakyat sekalian. Saya memang bersetuju 100% atas pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu dan bagi pihak Kementerian ini memanglah sentiasa kita memunta supaya mereka yang berkenaan menjalankan kerja-kerja mereka dengan penuh simpati kepada mereka yang menjadi mangsa, yang tanah mereka diambil.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini ialah meminta satu kelulusan atau perubahan Undang-undang untuk mengadakan satu certificate of urgency supaya rancangan-rancangan Kerajaan dapat dijalankan dan disegerakan. Tetapi beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Rang Undang-undang ini telah menimbulkan beberapa perkara mengenai bayaran pampasan (compensation).

Saya juga berpendapat bahawa soal pengambilan tanah ini adalah merupakan satu perkara yang sangat sensitif terutama sekali mengenai bayaran pampasan. Memang sudah semestinya kita mengalami beberapa kesusahan dalam membayar ganti rugi kepada tuan-tuan punya tanah. Kalau kita lihat dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini, Kementerian ini telah membentangkan satu lagi pindaan kepada Rang Undang-undang Pengambilan Tanah dan adalah diharapkan bahawa dalam Rang Undang-undang ini dapat dibincangkan dalam mesyuarat ini juga iaitu mengenai Jadual Pertama berhubung dengan pengambilan balik tanah. Tanah bermilik hanya diambil oleh pihak Kerajaan demi kepentingan rakyat jelata mengikut apa yang tercatat dalam Rang Undang-undang pengambilan balik tanah. Saya ingin minta izin membaca seksyen ini:

"The State Authority may acquire any land which is needed:

- (a) for any public purpose;
- (b) by any person or corporation undertaking a work which in the opinion of the State Authority is of public utility; or
- (c) for the purpose of mining or for residential, agricultural, commercial or industrial purposes."

Maka di sini ternyata bahawa Kerajaan tidak akan mengambil tanah semata-mata atas kesukaan hendak mengambil tanah seseorang ataupun kumpulan orang atau syarikat. Kerajaan mengambil tanah ini adalah dengan

tujuan-tujuan yang tertentu seperti yang saya sebutkan tadi. Maka dalam usaha kita menjalankan tugas ini, sudah tentu ada pihak-pihak yang terpaksa tanah mereka terkorban tetapi bukan semua tuan-tuan punya tanah yang diambil menempuh kerugian. Ada juga di kalangan mereka menikmati keuntungan yang besar. Umpamanya, satu keping tanah yang mana sebahagian daripada tanah itu diambil oleh Kerajaan untuk jalanraya. Dengan adanya jalanraya yang baru sudah tentu tanah yang tidak diambil itu akan naik harganya kepada satu tingkat yang lebih tinggi daripada harga yang asal oleh kerana ada improvement di kawasan itu.

Mengenai pampasan lambat dibayar yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau. Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah mencadangkan, kalau dapat kita mengadakan satu certificate of urgency untuk pembayaran pampasan. Saya memang bersetuju atas perkara ini dan saya sentiasa meminta supaya bayaran pampasan ini boleh dibayar dengan secepat mungkin mengikut peraturan yang ada.

Mengenai cadangan supaya ganti rugi hendaklah dibayar dengan tanah bukan sahaja dengan wang, ini boleh dibuat kerana dalam peruntukan Akta Pengambilan Balik Tanah mengikut Seksyen 15 ada dinyatakan antara lain bahawa:

"In the course of making any enquiry and award under Section 12 and 14, the Collector may, in his discretion, in respect of any scheduled land, instead of assessing or awarding monetary compensation, enter into an arrangement with a person having an interest in such land in such a way as may be equitable, having regard to the interests of the parties concerned."

Pada pendapat saya kalau tuan tanah yang diambil minta ganti tanah dan kalau ada tanah eloklah diganti dengan tanah dan tidak dibayar dengan wang, tetapi saya rasa tidaklah boleh dibayar dengan wang dan juga tanah, dan seksyen ini juga, saya rasa boleh kita takrifkan mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau di mana beliau telah mencadangkan supaya pampasan daripada tuan tanah itu menjadi syer kepada syarikat yang menjalankan usaha-sama.

Atas perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengenai beberapa kawasan tanah orang Melayu yang telah diambil oleh pihak Kerajaan, saya rasa perkara ini tidaklah dibuat dengan sengaja tetapi terpaksa diambil kerana mengikut pelan-pelan yang telah dirancang oleh pihak-pihak yang berkenaan demi kepentingan orang ramai seperti jalanraya, tanah perkuburan, sekolah, kelinik dan lain-lain lagi.

Mengenai soal pampasan yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, suka saya menyatakan di sini bahawa cara kita memberi gantirugi kepada tuan-tuan punya tanah ialah mengikut peraturan-peraturan yang tertentu dalam Akta Pengambilan Balik Tanah mengikut Jadual Pertama yang mana kita membayar harga tanah mengikut current market value dan juga mengikut sekatan-sekatan yang ada tercatat di dalam surat hakmilik tanah itu.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah mencadangkan supaya tuan-tuan tanah yang tanah-tanah mereka diambil itu dimasukkan di rancangan-rancangan lain. Saya rasa memang ada di dalam beberapa negeri khususnya di negeri saya sendiri bahawa tanah-tanah itu diambil dengan tujuan supaya tanah itu dapat dimajukan dan selepas itu tuan punya tanah diberi keutamaan masuk dalam rancangan-rancangan samada rancangan tanah mahupun rancangan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya jawab serba sedikit dan perkara-perkara lain yang telah dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, insya Allah, apabila kita dapat verbatim report (Hansard) nanti, kami akan mengambil perhatian dan juga akan melaksanakan cadangan-cadangan yang baik itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERUNTUKAN DI RAJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.02 ptg.

Menteri Tak Berportfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Peruntukan Di Raja (Pindaan) tahun 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Fasal 35 (1) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen hendaklah dengan undang-undang memperuntukkan suatu Peruntukan Di Raja bagi Yang di-Pertuan Agong yang termasuk peruntukan untuk membayar annuity kepada Raja Permaisuri Agong dan Peruntukan Di Raja ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada kumpulan wang disatukan dan tidak boleh dikurangkan dalam masa Yang di-Pertuan Agong memegang jawatannya.

Bagi melaksanakan Fasal 35 (1) itu maka satu Ordinan Peruntukan Di Raja No. 70, tahun 1957 (Civil Lists Ordinance No. 70, 1957) telah diluluskan pada 31hb Ogos, 1957. Semenjak itu Jadual Pertama kepada undang-undang ini telah dipinda empat kali dan peruntukan yang ditunjukkan di dalam Jadual Pertama itu pada masa ini adalah seperti berikut:

KELAS I ...	Peruntukan Di Raja	S 288,000
KELAS II ...	Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana	454,000
KELAS III ...	Perbelanjaan Istana	300,000
KELAS IV ...	Kurniaan Di Raja	15,000
JUMLAH ...		<u>\$1,057,000</u>

Berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut itu sukalah saya menerangkan seperti berikut:

(a) Kelas I—Peruntukan Di Raja

Peruntukan bagi Kelas I adalah untuk gaji dan elaun keraian bagi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Peruntukan tahunan sebanyak \$288,000 yang telah diluluskan semenjak 1-1-74

telah didapati tidak mencukupi disebabkan oleh kenaikan harga barang-barang terutamanya dalam masa setahun dua ini, bertambahnya lagi majlis-majlis di Istana Negara seperti majlis-majlis mengadap, majlis-majlis tauliah, majlis keraian dan sebagainya. Tambahan yang diminta sekarang ialah sebanyak \$27,600 bagi perbelanjaan keraian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menjadi \$87,600 setahun.

(b) *Kelas II—Gaji Pegawai dan Kakitangan Istana*

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tahunan sebanyak \$454,000 yang telah diluluskan semenjak 1-1-74 untuk tujuan itu telah didapati tidak mencukupi bagi menemui bayaran gaji serta elaun-elaun bagi beberapa jawatan baru. Tambahan yang dikehendaki sekarang ialah \$103,000.

(c) *Kelas III—Perbelanjaan Istana*

Peruntukan bagi Kelas III ialah untuk perbelanjaan sehari-hari bagi menemui kewajipan-kewajipan Istana. Peruntukan tahunan sebanyak \$300,000 yang telah diluluskan semenjak 1-1-74 telah juga didapati tidak mencukupi bagi menemui perbelanjaan perkhidmatan, penyelenggaraan dan bekalan. Tambahan yang dikehendaki ialah \$100,000.

(d) *Kelas IV—Kurniaan Di Raja*

Peruntukan bagi Kelas IV ini adalah untuk pembayaran ampun kurnia kepada masjid-masjid, badan-badan suka-rela dan rumah kanak-kanak. Peruntukan tahunan sebanyak 15,000 yang telah diluluskan semenjak 1-1-74 tidak mencukupi untuk menemui perbelanjaan yang semakin meningkat. Tambahan yang dikehendaki ialah \$5,000.

Ringkasnya tambahan-tambahan yang diminta bagi keseluruhan Peruntukan Di Raja ini adalah seperti berikut:

KELAS I	...	...	...	\$ 27,600
KELAS II	...	...	...	103,000
KELAS III	...	...	...	100,000
KELAS IV	...	...	...	5,000
JUMLAH				\$235,600

Pindaan kepada peruntukan yang telah saya sebutkan di atas tadi hendaklah dikuatkuasakan mulai dari 1hb Januari, 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952" dibaca bagi kali yang kedua.

Maksud Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952 untuk meluaskan bidang dan erti "trafficking" (Pedagang), mengadakan peruntukan supaya memiliki heroin atau morphine seberat yang ditetapkan atau lebih dianggap sebagai "trafficking" dan juga mengadakan peruntukan supaya keterangan seseorang ejen provokatur (ejen menyubahati) boleh diterima dalam pembicaraan-pembicaraan di bawah Ordinan ini.

Izinkanlah saya menerangkan di dalam takrif "trafficking" atau memperniagakan yang ada sekarang tidak termasuk memiliki dadah berbahaya. Dengan bertambahnya kegiatan-kegiatan pengedar-pengedar dadah berbahaya yang terdapat di waktu ini maka adalah difikirkan perlu dimasukkan takrif ini ke dalam Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) 1976 bertujuan untuk meluaskan lagi takrif "trafficking" termasuk perbuatan-perbuatan mengilang (manufacture), mengimpot, mengeksport, menyimpan, menyorokkan, membeli, menjual, memberi, menerima, menyimpan (storing), memberi (administering), memunggah (transporting), membawa, menghantar, menyampaikan (delivering), mendapatkan, membekal atau membahagi-bahagikan apa-apa dadah berbahaya adalah ditakrifkan sebagai "trafficking".

Fasal 3 Rang Undang-undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) 1976 ini bertujuan juga membuat peruntukan supaya sesiapa juga yang memiliki satu ratus gram heroin atau seribu gram morphine atau lima (5) kilogram candu atau dua ratus gram ganja atau lebih melainkan dengan kebenaran yang diberi oleh Ordinan ini atau manamana undang-undang bertulis, hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya sebagai "trafficking" Dadah Berbahaya. Anggaran ini akan banyak menolong pihak yang menguatkuasakan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Richard Ho Ung Hum: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.14 ptg.

Wan Zahab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Dadah Berbahaya, 1952 kerana perbuatan menyimpan dadah adalah salah di sisi undang-undang dan sesiapa yang didapati memiliki 100 grammes heroin dan 1,000 grammes morphine adalah boleh dihukum dengan sehabis-habis berat.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 4 Seksyen baru 40A mereka yang terlibat memang tahu akibat-akibat perbuatan yang keji ini tentu tidak dapat lari. Tetapi untuk mendapatkan wang yang banyak tanpa kerja yang berat, mereka suka menjadi seorang ejen provokatur dan bersubahat di dalam perkara ini. Pada pendapat saya sangatlah wajar jika pemilik atau penjual-penjual morphine dadah ini supaya mereka memberi keterangan-keterangan yang jelas kerana apabila mereka ditangkap kadang-kadang bungkusan-bungkusan dadah ini disimpan di satu tempat yang lain. Kadang-kadang tuannya dadah seorang yang hartawan. Di bawahnya ialah beberapa orang suruhannya untuk berhubung dengan orang-orang yang tertentu. Bila tertangkap maka hartawan tadi terlepas. Yang didakwa ialah orang-orang suruhannya. Dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, saya sangsi yang menjadi orang suruhan dan orang-orang yang benar-benar menyimpan dan yang mempunyai morphine, heroin dan dadah-dadah ini ditangkap dan dihukum dengan sehabis-habis berat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ibu apabila mendengar penyeksaan secara cold turkey treatment telah berjalan di negara lain untuk mendapat maklumat-maklumat dadah, terbayanglah di mata saya berapa azab penderitaan ini. Tetapi apakan daya, oleh kerana kesalahan yang dilakukan itu adalah satu-satu kesalahan yang besar. Maka hukuman yang dikenakan adalah setimpal dengan balasan perbuatannya. Dengan ini, saya tidak ragu-ragu menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

6.16 ptg.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani di atas pandangan berat beliau supaya menguatkuasakan undang-undang di bawah Ordinan Dadah Berbahaya 1952 akan terus dapat dijayakan. Sebenarnya ada sedikit perbezaan di antara ejen provokatur ataupun pihak-pihak yang bersubahat dengan maksud yang terkandung di bawah pindaan Fasal 4 ini. Kita memerlukan maklumat-maklumat yang jelas dan juga saksi-saksi yang berkata benar dalam soal-soal pencegahan penyalahgunaan dadah ini. Jadi dalam usaha ini maka diadakan fasal baru supaya apa-apa yang disampaikan melalui ejen provokatur ini akan dapat diterima

mengikut berat penyaksian atau bukti-bukti yang disampaikan.

Saya percaya dengan kebencian masyarakat yang ada pada masa ini terhadap penyalahgunaan dadah dan juga kesungguhan Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am akan dapat kita aturkan langkah-langkah positif terhadap pembasmian ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 2—

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa pindaan kepada Fasal 2 dipotong perkataan "either once or more" yang terdapat dalam baris pertama dan kedua kepada takrif "trafficking".

Pindaan ini adalah diperlukan atas kesilapan typography dan juga keperluan gubalan, seperti pindaan yang telah diedarkan menurut DR. 56/76.

*Fasal 2—*potong perkataan-perkataan "either once or more," yang terdapat dalam baris pertama dan kedua kepada takrif "trafficking".

*Clause 2—*delete the words "either once or more," appearing in the first and second lines in the definition of "trafficking".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 2 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 3 dan 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ORANG-ORANG PAPA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.29 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Gham): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Orang-orang Papa 1976 dibaca pada kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan memansuhkan Akta Kuturayau 1965 dan mengadakan peruntukan-peruntukan yang lebih baik bagi menjaga dan memulih orang-orang papa dan bagi mengawal kuturayau.

Kini, Akta Kuturayau 1965 hanya membolehkan pihak Polis sahaja mengambil tindakan ke atas peminta-peminta sedekah; itupun jika mereka itu didapati meminta sedekah di tempat awam dan mengganggu orang ramai yang berada di situ. Selepas ditangkap maka perlu pula pihak Polis membuat penyiasatan dan persiapan bagi menghadapkan mereka ke Mahkamah untuk didakwa dan dibicarakan. Apabila didapati salah, barulah mereka itu diperintahkan masuk tinggal di Pusat Pemulihan Pengemis ataupun diberi hukuman yang lain. Peraturan ini bukan sahaja mengambil masa yang agak lama sebelum sesuatu tindakan terhadap pengemis-pengemis dapat dijalankan malah juga melibatkan tenaga dan perbelanjaan yang banyak kerana menambah kerja pihak Polis dan pihak Mahkamah. Proses yang agak rumit ini akan dapat diatasi jika sekiranya Rang Undang-undang Orang-orang Papa 1976 ini diluluskan dan dikuatkuasakan kelak.

Undang-undang baru ini tidak lagi menganggap seseorang peminta sedekah itu sebagai orang yang melakukan kesalahan tetapi sebaliknya dianggap sebagai seorang yang memerlukan perlindungan, jagaan, pemulihan dan bantuan sebabnya ialah ramai daripada mereka itu terdiri dari mereka yang sangat tua, uzur atau tidak waras otak, oleh itu tidak patut disamakan dengan penjenayah. Ini bermakna bahawa mengikut peruntukan pindaan yang dicadangkan seseorang pengemis itu tidak perlu ditangkap dan didakwa di Mahkamah sebelum ianya dimasukkan ke rumah kebajikan. Sebaliknya mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan pegawai

Polis boleh juga mengambil dan menyerahkan siapa-siapa yang dipercayai menjadi peminta sedekah kepada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat yang seterusnya akan menempatkan orang itu di mana-mana rumah kebajikan sementara keadaannya disiasat di dalam tempoh satu bulan untuk menentukan samada orang itu sebenarnya seorang papa atau tidak. Jika Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat berpuashati bahawa orang itu benar sangat miskin maka bolehlah ianya dimasukkan ke rumah kebajikan. Sebaliknya jika ia ada saudaramara ataupun sesiapa yang sanggup menjaganya maka ia tidaklah perlu dimasukkan ke rumah kebajikan dan ia akan diberi apa-apa bantuan yang sesuai oleh Kementerian Kebajikan Am jika difikirkan mustahak.

Rang Undang-undang ini juga membenarkan seseorang papa diterima masuk ke sesuatu rumah kebajikan atas permohonannya sendiri tertakluk kepada ianya mematuhi kepada syarat-syarat yang dikenakan di bawah Akta ini. Peruntukan ini akan mencegah seseorang itu daripada mengemis di jalanraya-jalanraya.

Selain daripada memberi kuasa kepada Menteri Kebajikan Am membina rumah-rumah kebajikan, Rang Undang-undang ini juga memberi peruntukan untuk membolehkannya melantik Ahli-ahli Lembaga Pelawat bagi tiap-tiap rumah kebajikan dan membuat peraturan-peraturan untuk melicinkan penguurusan rumah-rumah itu. Perlantikan Lembaga Pelawat ini ialah dengan tujuan menggalakkan orang ramai turut serta dalam kerja-kerja kemasyarakatan yang memberi faedah. Kementerian Kebajikan Am memerlukan kerjasama dan penyertaan orang-ramai untuk sama mengambil berat tentang keadaan penghuni-penghuni yang tinggal di dalam rumah kebajikan supaya mereka tidak merasa sudah dilupakan oleh masyarakat.

Rang Undang-undang ini juga akan memastikan bahawa orang-orang papa yang diberi perlindungan itu tidak dimanja-manjakan atau dibiarkan keluar dari rumah kebajikan dengan sesuka hati untuk meminta sedekah semula. Oleh itu satu peruntukan yang penting perlu diadakan iaitu kuasa menghendaki seseorang yang tinggal di rumah kebajikan itu mengambil bahagian dalam aktiviti yang sesuai dengan tujuan untuk menambah kepandaian mereka supaya dapat mencari kerja di luar atau membolehkannya dapat

menolong apa-apa yang patut dalam rumah itu. Dengan cara begini orang papa itu tidak akan dibiarkan berpeluk tubuh sahaja tetapi diwajibkan bekerja mengikut daya dan keadaannya.

Sungguhpun Rang Undang-undang baru ini tidak lagi menganggap seseorang yang meminta sedekah itu sebagai seorang penjenayah tetapi ini tidak pula bermakna bahawa ia boleh berbuat sesuka hati seperti keluar masuk ke rumah-rumah kebajikan dan meneruskan kerja meminta sedekah. Rang Undang-undang ini mempunyai peruntukan-peruntukan yang boleh menjatuhkan penalti kepada orang-orang papa yang tidak mahu dimasukkan ke rumah kebajikan ataupun keluar daripada rumah kebajikan tanpa kebenaran Penguasa rumah itu. Penalti di bawah peruntukan ini termasuk penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga bulan. Selain daripada ini ada lagi peruntukan yang membolehkan pihak Polis menangkap tanpa waran orang-orang papa yang lari dari rumah kebajikan.

Di sini perlu saya terangkan bahawa sungguhpun ada beberapa kekurangan dan kelemahan dalam Akta Kuturayau 1965, maka tidaklah bermakna selama ini Kementerian Kebajikan Am tidak berbuat apa-apa untuk mengatasi masalah pengemis di negara kita ini. Sejak merdeka beberapa buah rumah orang tua, kanak-kanak dan pesakit melarat, serta yayasan-yayasan pemulihan untuk orang cacat, wanita dan gadis, budak lelaki dan perempuan, bengkel Vokesyenal dan sebagainya telah didiri dan ditadbir oleh Kementerian Kebajikan Am dengan harapan mereka yang dhaif dan uzur ini akan mendapat pertolongan. Jabatan Kebajikan Masyarakat di tiap-tiap negeri dengan peruntukan kewangan dari Kerajaan negeri juga memberi bantuan kepada orang-orang miskin dan daif. Jika tidaklah disebabkan adanya perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini dan juga bantuan-bantuan yang telah diberikan, maka tentulah bilangan pengemis-pengemis yang ada pada masa ini sudah tentu berlipat-ganda lagi ramainya.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa dengan lulusnya Rang Undang-undang ini konsep terhadap orang-orang papa akan bertukar sama sekali iaitu mereka tidak lagi dianggap sebagai orang bersalah di sisi undang-undang tetapi

mereka akan dicuba diberi pertolongan seberapa yang mungkin. Dengan adanya peruntukan-peruntukan untuk membawa mereka ini tinggal di yayasan-yayasan kebajikan dan juga dengan adanya kuasa untuk menangkap mereka ini yang lari dari rumah kebajikan tanpa waran maka Kementerian saya berharap masalah orang papa akan dapat dikurangkan dan bilangan pengemis dan kutu-rayau akan dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Orang-orang Papa, 1976 dibaca pada kali yang kedua sekarang.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.28 *ptg.*

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di atas Rang Undang-undang Orang-orang Papa, 1976. Akta ini untuk dipakai bagi seluruh Malaysia maka sudah pasti ianya termasuk juga Negeri Sarawak.

Bagi Negeri Sarawak, pengemis tidaklah begitu nampak samada di bandar ataupun di luar-luar bandar. Memang ada juga yang mengambil kesempatan untuk mengemis ataupun meminta sedekah. Biasanya seperti yang saya lihat sendiri orang-orang yang cacat anggota atau buta memang ada seorang-dua di Bandar Kuching seperti meminta sedekah di tempat-tempat yang tertentu dengan menyanyi dan bermain gambus. Kadangkala pada hari Jumaat mereka ini duduk di pintu masuk di masjid dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran sebagai peminta sedekah yang ikhlas. Biasanya orang seperti ini daripada keluarga yang tidak berkemampuan. Bagi keluarga yang berkemampuan pula apabila didapati salah seorang jika terdapat daripada keluarga itu samada cacat anggota dan sebagainya, orang yang bertanggungjawab dalam keluarga

itu sudah pasti tidak bersetuju keluarganya sebagai pengemis atau peminta sedekah, lebih-lebih lagi bagi orang bumiputra adalah menjadi malu kepada mereka berbuat demikian.

Bagi penduduk luar bandar di Sarawak pula walaupun mereka disifatkan rakyat yang tidak bernasib baik atau miskin, namun sebagai peminta sedekah adalah satu perbuatan yang tidak diingini oleh mereka, kecuali orang yang rosak fikirannya. Oleh kerana mereka memang tidak mahu dipanggil atau disifatkan sebagai peminta sedekah atau pengemis. Boleh dikatakan perbuatan seperti itu yang selalu disebut atau disifatkan sebagai perbuatan sial—tidak secucuk kepada mereka yang mempunyai tubuh badan yang sihat dan mempunyai saudaramara di tanahair kita sendiri. Apa yang saya sendiri telah pernah berjumpa di sebuah hotel di Kuching baharu-baharu ini, dan orang lelaki yang berbadan sihat berumur di antara 25 dan 28 tahun meminta sedekah kepada orang yang menginap di hotel tersebut, kononnya mereka ditimpa kesusahan untuk balik ke kampung halaman mereka. Mereka ini sangat bijak bercakap dan pandai pula memilih siapa yang hendak ditujunya. Ini bukanlah berkehendakkan sedekah 10 sen atau 20 sen, kadangkala sampai \$20 seorang memberi sedekah dengan ikhlas kepada hamba Allah seperti ini untuk membantu mereka di dalam kesusahan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Latip bin Haji Dris: Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 16hb Disember, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.